# SEJARAH

## TING 5

### Nota Ringkas

Mudah
Ringkas
Padat
Tersusun

PosterMyWall.com

# BAB 1 Kemunculan Dan Perkembangan Nasionalisme Di Asia Tenggara

**IMPERIALISME BARAT DI ASIA TENGGARA**

1. ***Nyatakan maksud imperialisme***
   Imperialisme ialah dasar sesebuah negara meluaskan pengaruh dengan menjajah negara lain untuk kepentingan tertentu

***2. Senaraikan kuasa-kuasa Barat yang terlibat dengan gerakan imperialisme di Asia Tenggara***

| | |
|---|---|
| Britain | Tanah Melayu & Burma |
| Perancis | IndoCina/Vietnam/Kemboja/Laos |
| Belanda | Indonesia |
| Sepanyol | Filipina |
| Amerika Syarikat | FilIpina |

***3. Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan Asia Tenggara dijajah oleh imperialisme Barat .***
- Kedudukan Asia Tenggara begitu strategik
- terletak di antara pusat perdagangan China dan India
- menjamin pasaran yang luas
- mempunyai tanah yang subur
- kaya dengan bahan mentah
- berlaku revolusi perindustrian di Eropah
- Eropah memerlukan bahan mentah secara berterusan
- Eropah memerlukan kawasan pasaran baru untuk memasarkan keluaran kilang
- kapal wap boleh membawa muatan yang banyak
- pembukaan terusan Suez memendekkan masa perjalanan ke Timur
- penggunaan telegraf menyebabkan urus niaga antarabangsa menjadi mudah
- tanah jajahan yang luas menjadi lambang sanjungan kuasakuasa Barat
- keluasan tanah jajahan menjadi lambang kekuatan dan kekayaan kuasa Barat
- bertanggungjawab menyebarkan tamadun @ "beban Orang Putih"
- bertanggungjawab menyebarkan agama Kristian
- pencapaian dalam bidang sains menyakinkan Barat untuk menjajah

## Perubahan Sistem Politik

***1. Senaraikan LIMA ciri umum sistem birokrasi Barat yang diperkenalkan setelah mereka menjajah negara-negara Asia Tenggara***
- menubuhkan kerajaan pusat setelah wilayah-wilayah disatukan
- melantik Gabenor Jeneral sebagai ketua pentadbir
- menjalankan pentadbiran melalui jabatan ( biro )
- melantik pegawai Barat sebagai ketua jabatan ( biro )
- memperkenalkan undang-undang Barat

***2. Jelaskan perbezaan sistem pentadbiran tempatan dan sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh Barat***

| Sistem pentadbiran tempatan | Sistem pentadbiran penjajah |
|---|---|
| ▪ Sesebuah kawasan pemerintahan digelar kerajaan<br>▪ Kerajaan diperintah oleh raja<br>▪ Pemerintahan dibantu oleh pembesar<br>▪ Raja berkuasa mutlak<br>▪ Raja membuat undang-undang | ▪ Diperintah oleh Kerajaan pusat<br>▪ Negara diperintah oleh Gabenor Barat<br>▪ Pentadbiran dibantu oleh wakil penjajah Barat:<br>o Residen di Tanah Melayu<br>o Encomeindero di Filipina<br>▪ Menggunakan undang-undang Barat |

***3. Jelaskan perbezaan sistem pentadbiran tempatan dan sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh imperialis Barat mengikut negara-negara di bawah.***

**a. FILIPINA**

| SEBELUM PENJAJAHAN | SELEPAS PENJAJAHAN |
|---|---|
| ▪ terdapat daerah-daerah kecil atau Baranggay<br>▪ barangay diperintah oleh Datu<br>▪ Terdapat kerajaan-kerajaan Islam | ▪ Sepanyol memperkenalkan pentadbiran berpusat<br>▪ Pemerintah tertinggi ialah Gabenor Jeneral<br>▪ Baranggay disatukan menjadi Encomeinda<br>▪ Encomeinda diperintah oleh Encomeindero<br>▪ Encomeindero ditugaskan bertugas untuk:<br>o Menjaga keamanan<br>o Mengutip cukai<br>o Mengkristiankan penduduk.<br>o mengenakan kerahan tenaga |

**b. INDONESIA**

| SEBELUM PENJAJAHAN | SELEPAS PENJAJAHAN |
|---|---|
| ▪ terdiri daripada beberapa buah kerajaan seperti kerajaan Mataram<br>▪ pemerintah tertinggi kerajaan ialah raja<br>▪ kerajaan dibantu oleh golongan pembesar<br>▪ pentadbiran tempatan diketuai oleh pembesar daerah/Bupati | ▪ memperkenalkan pentadbiran pusat<br>▪ pentadbiran pusat diketuai oleh Gabenor Jeneral<br>▪ pentadbiran tempatan diketuai oleh pembesar tempatan dan diawasi oleh Belanda<br>▪ ditubuhkan jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan pertanian dan Jabatan Pelajaran<br>▪ diperkenalkan Dewan tempatan sebagai penasihat pentadbiran Belanda<br>▪ diperkenalkan Volksraad iaitu Majlis Rakyat |

**c. BURMA**

| SEBELUM PENJAJAHAN | SELEPAS PENJAJAHAN |
|---|---|
| ▪ mengamalkan sistem pemerintahan beraja di bawah dinasti Konbaung<br>▪ pemerintah tertinggi ialah raja<br>▪ raja dibantu oleh:<br>o Hluttaw ( majlis diraja )<br>o Wun ( pegawai tinggi kerajaan )<br>o Myothugyi ( ketua bandar )<br>o Ahmudan ( pegawai diraja )<br>o Athi ( pembesar tradisional )<br>▪ Raja merupakan penaung kepada sami Buddha | ▪ Dinasti Konbaung dihapuskan<br>▪ Jawatan pembesar tempatan dihapuskan<br>▪ Institusi raja dihapuskan<br>▪ pentadbiran Pusat diperkenalkan<br>▪ pentadbiran pusat diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British<br>▪ diperkenalkan Akta Kampung Hulu Burma & Akta Perkampungan Burma<br>▪ pentadbiran daerah diambilalih oleh Myook ( Pegawai bandaran )<br>▪ diperkenalkan undang-undang Barat<br>▪ Undang-undang Barat mengawasi agama Buddha<br>▪ Majlis Perundangan diperkenalkan<br>▪ memperkenalkan jabatan seperti Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pelajaran |

**d. INDOCHINA**

| SEBELUM PENJAJAHAN | SELEPAS PENJAJAHAN |
|---|---|
| ▪ ditadbir oleh sebuah kerajaan yang berkuasa mutlak<br>▪ kerajaan memberi kuasa penuh kepada pembesar tempatan<br>▪ Setiap birokrasi diketuai oleh golongan Mandarin<br>▪ Sistem pentadbiran dipengaruhi oleh sistem pentadbiran Tanah Besar China<br>▪ Golongan Mandarin dipilih melalui peperiksaan bahasa dan kesusasteraan China | ▪ ditubuhkan kerajaan pusat<br>▪ pentadbiran Pusat diperintah oleh Gabenor Jeneral yang bertanggungjawab terus kepada Kementerian Tanah Jajahan di Paris<br>▪ ditubuhkan Indochinoise atau Persekutuan IndoChina iaitu gabungan Vietnam dan Kemboja & Laos<br>▪ memperkenalkan undang-undang Perancis<br>▪ semua rang undang-undang diluluskan oleh Parlimen Perancis<br>▪ kerajaan Pusat tidak mencampuri pentadbiran kerajaan tempatan<br>▪ kerajaan tempatan wajib membayar cukai<br>▪ kerajaan tempatan wajib menyediakan kerahan tenaga |

**e. MELAKA / TANAH MELAYU**

| SEBELUM PENJAJAHAN | SELEPAS PENJAJAHAN |
|---|---|
| ▪ Kerajaan diperintah oleh raja berkuasa mutlak<br>▪ mengamalkan Sistem Pembesar Empat Lipatan. | ▪ Portugis meruntuhkan institusi beraja di Melaka<br>▪ Belanda menghapuskan sistem beraja di Melaka<br>▪ British memperkenalkan Negeri-negeri Selat iaitu gabungan Melaka, Pulau Pinag dan Singapura (NNS)<br>▪ jawatan Gabenor di negeri-negeri Selat diperkenalkan<br>▪ Gabenor dibantu oleh Residen Kaunselor<br>▪ British memperkenalkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB ) iaitu gabungan Perak, Pahang dan Negeri Sembilan<br>▪ NNMB ditadbir oleh Residen<br>▪ British memperkenalkan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu ( NNMTB )<br>▪ NMTB ditadbir oleh penasihat<br>▪ Residen dan Penasihat bertanggungjawab menasihati sultan dalam semua perkara kecuali hal adat istiadat dan agama Islam<br>▪ British memperkenalkan sistem kehakiman Barat<br>▪ British memperkenalkan sistem pengutipan cukai<br>▪ British membahagikan negeri kepada beberapa daerah<br>▪ British menubuhkan balai polis |

**f. THAILAND**

***1. Apakah pengaruhpengaruh Barat yang diperkenalkan oleh Raja Siam untuk memodenkan Negaranya @ Bagaimanakah Siam berjaya mengekalkan negaranya daripada penjajahan Barat?***

| MONGKUT | CHULALONGKORN |
|---|---|
| ▪ Melantik 80 orang penasihat Barat<br>▪ Penasihat Barat ditugaskan mengetuai jabatan dan melatih pegawaipegawai tempatan<br>▪ Membawa penasihat kewangan , pelabuhan dan polis dari Britain<br>▪ Penasihat kastam daripada Amerika Syarikat<br>▪ Penasihat ketenteraan dari Perancis | ▪ Perkenalkan Majlis Penasihat Rendah, Majlis Mesyuarat tertinggi dan Kabinet Menteri<br>▪ Melantik juruaudit Britain untuk perbendaharaan Negara<br>▪ melahirkan pentadbir moden berasaskan tahap pendidikan<br>▪ mengamalkan sistem raja berpelembagaan<br>▪ mengurangkan pengaruh golongan pembesar tradisional dan raja |

**KESAN-KESAN PENGENALAN SISTEM BIROKRASI BARAT**

***1. Senaraikan KESAN-KESAN ke atas sistem politik tempatan selepas diperkenalkan sistem birokrasi Barat bagi negara-negara berikut***

| | KESAN SELEPAS PENGENALAN BIROKRASI BARAT |
|---|---|
| **Filipina** | ▪ merosot pengaruh golongan Datu<br>▪ merosot sistem pemerintah tradisional<br>▪ penduduk dikenakan kerahan tenaga<br>▪ penduduk dikenakan cukai yang tinggi |
| **Burma** | ▪ Dinasti Konbaung dihapuskan<br>▪ Jawatan pembesar tempatan dihapuskan<br>▪ Institusi raja dihapuskan<br>▪ pengaruh golongan agama merosot<br>▪ pengaruh raja sebagai penaung sami Buddha diambil alih oleh undang-undang Barat |
| **Tanah Melayu** | ▪ institusi raja diruntuhkan oleh Portugis<br>▪ institusi raja dihapuskan oleh Belanda<br>▪ sultan hanya berkuasa dalam bidang agama Islam dan adat istiadat Melayu<br>▪ Cukai dikutip oleh British |

## Nasionalisme di Asia Tenggara

### 1.3.1 FaktorFaktor Kemunculan Nasionalisme

1. ***Berikan maksud nasionalisme***
Nasionalisme ialah perasaan cinta bangsa dan negara yang akan membawa kepada gerakan membebaskan tanah air daripada segi ekonomi, politik dan budaya asing

2. ***Senaraikan faktorfaktor yang menyebabkan munculnya semangat nasionalisme di Asia Tenggara***

| | |
|---|---|
| **Dasar Penjajahan Barat** | ▪ tidak memberi peluang kepada rakyat tempatan dalam sistem pentadbiran moden<br>▪ rakyat kekal dalam sistem ekonomi tradisional yang serba kekurangan<br>▪ sistem ekonomi Barat menindas peribumi<br>▪ penjajah mewujudkan jurang sosial dengan penduduk tempatan<br>▪ penjajah menganggap mereka berada dalam kelas tersendiri<br>▪ penjajah hanya bergaul dengan golongan elit tempatan /bangsawan/berpendidikan Barat<br>▪ dasar keterbukaan penjajah membawa masuk imigran menimbulkan tidak puas hati<br>▪ gologan imigran menguasai ekonomi tempatan |
| **Pengaruh Agama** | ▪ agama menyatukan rakyat menghadapi penindasan, kebudayaan Barat dan agama Kristian |
| **Karya Kesusasteraan** | ▪ karya sastera dijadikan media menyampaikan mesej sengsara dan kecewa terhadap penjajah<br>▪ media sastera berjaya membangkitkan semangat cinta kepada tanah air.Contohnya Putera Gunung Tahan oleh Pak Sako |
| **Sistem Pendidikan** | ▪ penjajah mengamalkan pilih kasih dalam memberikan pendidikan<br>▪ penjajah mengutamakan sekolah menggunakan bahasa penjajah<br>▪ penjajah hanya memberi pendidikan kepada gologan elit tempatan dan penduduk bandar<br>▪ penjajah memperkenalkan sistem pendidikan sekular<br>▪ lulusan sekolah tempatan sukar mendapat pekerjaan berbanding sekolah penjajah |
| **Kemunculan golongan Intelektual** | ▪ lahir golongan berpendidikan @ intelektual Barat dan Asia Barat |
| **Pengaruh Media Massa** | ▪ pengaruh media seperti akhbar dan majalah yang menyebarkan idea-idea nasionalis dan perasaan anti penjajah. Contohnya Ikhwan, Saudara & Majlis |
| **Perkembangan Sistem Pengangkutan & Perhubungan** | ▪ perkembangan sistem pengangkutan seperti keretapi dan jalan raya<br>▪ perkembangan sistem perhubunganseperti telefon & telegraf yang memudahkan pemimpin bertemu dan berbincang |
| **Pengaruh Luar** | ▪ pengaruh luar seperti kejayaan Jepun menewaskan China<br>▪ perjuangan Mahatma Ghandi di India |

### 1.3.2 Perkembangan Nasionalisme

1. ***Perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara boleh dibahagikan kepada DUA tahap. Huraikan ciri-ciri tahap-tahap tersebut***

| NASIONALISME TAHAP PERTAMA | NASIONALISME TAHAP KEDUA |
|---|---|
| ▪ Penentangan secara terbuka<br>▪ Penentangan bersifat setempat<br>▪ Penentangan tidak berorganisasi/ tersusun<br>▪ Isu-isu yang diperjuangkan ialah kebudayaan, agama dan hak peribumi<br>▪ Dipimpin oleh gologan pertengahan berpendidikan Barat dan Asia Tengah<br>▪ Pemimpin menekankan kesedaran politik<br>▪ Pemimpin menuntut hak-hak mereka dikembalikan dan taraf hidup diperbaiki<br>▪ Tidak meminta kemerdekaan dengan segera | ▪ Penentangan lebih radikal<br>▪ Penentangan sudah berorganisasi/ tersusun/ mempunyai pertubuhan politik<br>▪ Dipimpin oleh golongan berpendidikan dan berpengetahuan luas dalam bidang kebudayaan dan ilmu Barat<br>▪ Matlamat perjuangan menuntut kemerdekaan dan membentuk kerajaan berdaulat |

2. ***Senaraikan bentuk perjuangan nasionalisme tahap pertama dan kedua bagi negara-negara berikut.***

### i. FILIPINA

| FILIPINA | TAHAP PERTAMA | TAHAP KEDUA |
|---|---|---|
| **Tokoh Pejuang & Pertubuhan politik** | ▪ dipimpin oleh Jose Rizal<br>▪ disokong oleh golongan pendidikan Barat<br>▪ menubuhkan Liga Filipina | ▪ dipimpin oleh Andres Bonafacio<br>▪ perjuangan diteruskan oleh Emilio Aguinaldo<br>▪ menubuhkan Katipunan |
| **Isu perjuangan** | ▪ menuntut supaya Filipina dijadikan wilayah Sepanyol<br>▪ bangsa Filipina diberikan hak yang sama dinikmati oleh bangsa Sepanyol<br>▪ bangsa Filipina diberikan kebebasan bersuara | ▪ menyatukan bangsa Filipina<br>▪ mendapatkan kemerdekaan melalui revolusi |
| **LangkahLangkah perjuangan** | ▪ menubuhkan Liga Filipina<br>▪ mendesak Kerajaan Sepanyol melakukan pembaharuan daripada segi politik,ekonomi dan sosial | ▪ menggunakan media cetak menyebarkan fahaman<br>▪ menyebarkan fahaman revolusi melalui media cetak<br>▪ menjadikan Kalayan sebagai akhbar rasmi pertubuhan Katipunan<br>▪ melancarkan revolusi bersenjata untuk menggulingkan pemerintahan Sepanyol<br>▪ Aquinaldo berkerjasama dengan Amerika untuk menyingkirkan Sepanyol<br>▪ Aguinaldo terus melancarkan revolusi untuk mendapatkan kemerdekaan daripada Amerika sehingga ditangkap |

### ii. Indonesia

| INDONESIA | TAHAP PERTAMA | TAHAP KEDUA |
|---|---|---|
| **Tokoh Pejuang & Pertubuhan politik** | ▪ tokoh pejuang wanita iaitu Raden Adjeng Kartini<br>▪ pertubuhan Islam Muhamadiyah | ▪ dipolopori oleh Soekarno<br>▪ terdapat partiparti radikal seperti Sarekat Islam ( SI ), Parti Komunis Indonesia (PNI)] & Parti Nasional Indonesia (PNI) |
| **Isu perjuangan** | ▪ menumpukan perhatian kepada pendidikan<br>▪ percaya pendidikan mengubah nasib rakyat Indonesia<br>▪ memajukan pendidikan wanita melalui novel "Habis Gelap Timbulah Terang "<br>▪ mendedahkan kemunduran rakyat Indonesia<br>▪ mendedahkan penindasan Belanda ke atas rakyat Indonesia melalui novel "Penulisan Seorang Puteri Jawa"<br>▪ menyebar Islam sebenar<br>▪ menghindari ancaman sekularisme Barat & agama Kristian | ▪ lantang menuntut kemerdekaan sekalipun secara kekerasan |
| **LangkahLangkah perjuangan** | ▪ Raden menulis novel seperti "Habis Gelap Timbulah Terang " & "Penulisan Seorang Puteri Jawa"<br>▪ pertubuhan Muhammadiyah membina sekolah , klinik dan masjid | ▪ Seokarno mempengaruhi rakyat Indonesia menuntut kemerdekaan |

### iii. Indochina

| INDOCHINA | TAHAP PERTAMA | TAHAP KEDUA |
|---|---|---|
| **Tokoh Pejuang & Pertubuhan politik** | ▪ dipolopori oleh golongan Mandarin dan bangsawan<br>▪ perjuangan juga dijalankan oleh golongan menengah pendidikan Barat<br>▪ dipimpin oleh Phan Boi Chau<br>▪ terdapat parti politik seperti Viet Nam Quang Phu Hoi ( VPQPH ) | ▪ Ho Chi Minh,Nguyen Thai Hoc, Maharaja Bo Dai<br>▪ Parti Viet Nam Qouc Dang Dang pimpinan Nguyen Tai Hoc<br>▪ Parti Komunis Vietnam pimpinan Ho Chi Minh |
| **Isu perjuangan** | ▪ Golongan Bangsawan dan Mandarin memperjuangkan pemulihan sistem pemerintahan beraja<br>▪ golongan pendidikan Barat memperjuangkan pendidikan Barat di kalangan rakyat | ▪ inginkan kemerdekaan<br>▪ inginkan pembaharuan |
| **LangkahLangkah perjuangan** | ▪ Phan Boi Chau melancarkan revolusi tetapi gagal<br>▪ Phan Boi Chau menubuhkan VPQPH dan melancarkan pemberontakan<br>▪ Phan Boi Chau menyebarkan fahaman dakyah | ▪ perjuangan radikal pimpinan VNQDD dan PKV<br>▪ perjuangan sederhana pimpinan Maharaja Bao Dai |

### iv. Burma

| BURMA | TAHAP PERTAMA | TAHAP KEDUA |
|---|---|---|
| **Tokoh Pejuang & Pertubuhan politik** | ▪ golongan sami Buddha seperti Saya San dan U Ba Pe<br>▪ golongan elit berpendidikan Barat<br>▪ Majlis Persatuan Am KesatuanKesatuan Burma dan Persatuan Belia Buddha | ▪ Saya San<br>▪ Aung San<br>▪ U Nu<br>▪ Majlis Am Sangha Sametggi<br>▪ Parti Dobama Asiaone<br>▪ Liga Anti Pemisahan |
| **Isu perjuangan** | ▪ Persatuan Belia Buddha memperjuangkan pengekalan tradisi Buddha<br>▪ Persatuan Belia Buddha memperjuangkan kemajuan pendidikan kepada rakyat Burma | ▪ Revolusi pelajar menuntut diwujudkan sebuah universiti<br>▪ enggan berpisah dengan India kerana menganggap perpisahan dengan India akan melewatkan kemerdekaan Burma<br>▪ gologan Thakin ingin menuntut kemerdekaan |
| **LangkahLangkah perjuangan** | ▪ membangkitkan semangat nasionalisme melalui isu kasut<br>▪ menubuhkan Majlis Persatuan Am Kesatuan-Kesatuan Burma | ▪ pelajar melancarkan revolusi untuk mendapatkan universiti<br>▪ Saya San melancarkan pemberontakan |

### v. Thailand

| THAILAND | TAHAP PERTAMA | TAHAP KEDUA |
|---|---|---|
| **Tokoh Pejuang & Pertubuhan politik** | ▪ Nai Pridi Phanomyong, Phibul Songram<br>▪ Parti Rakyat | ▪ Phibul Songram |
| **Isu perjuangan** | ▪ menghapuskan penguasaan politik oleh kerabat raja<br>▪ menentang raja berkuasa mutlak | ▪ tidak puas hati cengkaman ekonomi oleh orang Barat dan orang Cina<br>▪ mendapatkan wilayah-wilayah Siam di Tanah Melayu dan Indochina |
| **LangkahLangkah perjuangan** | ▪ Nai Pridi menubuhkan Parti rakyat<br>▪ parti rakyat melancarkan Revolusi Thai yang menamatkan sistem raja berkuasa mutlak | ▪ Phibul meluluskan undang-undang menyekat kebebasan dan penguasaan ekonomi orang Cina<br>▪ Phibul menutup sekolahsekolah Cina<br>▪ Phibul mengharamkan akhbar-akhbar Cina<br>▪ Phibul menggalakkan peribumi terlibat dalam kegiatan ekonomi<br>▪ Phibul hanya memberi jawatan tertinggi dalam kerajaan pada penganut Buddha<br>▪ menukar nama Siam kepada Thailand bermaksud Tanah Bebas<br>▪ bekerjasama dengan Jepun untuk mendapatkan wilayah di Indochina dan Tanah Melayu |

***3. Bagaimanakah imperialis Barat menangani atau mematahkan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara***

| | CARA BARAT MENANGANI GERAKAN NASIONALISME |
|---|---|
| **FILIPINA** | ▪ Jose Rizal dan Emilio Aquinaldo ditangkap<br>▪ Jose Rizal dibuang negeri ke Dapitan di Mindanao<br>▪ Jose Rizal dihukum bunuh |
| **INDONESIA** | ▪ Soekarno ditangkap oleh Belanda<br>▪ Belanda mengharamkan Parti Indonesia pimpinan Soekarno |
| **INDOCHINA** | ▪ Perancis memenjarakan Phan Boi Chau<br>▪ Perancis mengharamkan parti Viet Nam Qhang Phu Hoi ( VNPQH )<br>▪ Perancis menangkap pemimpin seperti Nguyen Tai Hoc<br>▪ mengenakan hukuman bunuh ke atas Nguyen Tai Hoc<br>▪ menyekat dan melarang penglibatan Maharaja Bo Dai dalam gerakan nasionalisme |

## Bab 2 Nasionalisme di Malaysia Sehingga Perang Dunia Kedua

**1.** ***Nyatakan maksud gerakan nasionalisme***

Gerakan nasionalisme ialah usaha masyarakat tempatan menentang apa sahaja bentuk tekanan atau penjajahan supaya bebas daripada kuasa penjajah

**2.** ***Huraikan SEBAB-SEBAB penentangan rakyat tempatan terhadap pentadbiran British.***

- Dipaksa menjadi menjadi tanah jajahan British
- Dipaksa membayar ufti
- British berhasrat menguasai ekonomi tempatan bagi kepentingan mereka
- Membenarkan saudagar dari Negeri-negeri Selat menjalankan perlombongan dan perdagangan bijih timah
- British memaksakan menggunakan sistem pentadbiran Barat kepada penduduk tempatan
- British campurtangan dalam adat resam tempatan
- Pemimpin tempatan hilang kuasa dan pengaruh pentadbiran terhadap kawasan dan anak buah
- Pemimpin tempatan mendapat sokongan anak buah
- Kesetiaan rakyat kepada pembesar

**3** ***Huraikan peristiwa penentangan pemimpin tempatan terhadap British***

| LOKASI/ TEMPAT | PENENTANG INGGERIS | SEBAB-SEBAB MENENTANG |
|---|---|---|
| NANING | ▪ Dol Said | ▪ Tidak bersetuju British meletakkan Naning sebahagian wilayah British<br>▪ Naning dipaksa menghantar 1/10 hasil sebagai ufti<br>▪ Mendapat bantuan tentera Yam Tuan Ali Rembau, Syed Shaban dll |
| SARAWAK | ▪ Linggir | ▪ James Brooke berusaha menguasai daerah pedalaman<br>▪ James Brooke menghalang pelayaran kaum Iban di Sg Saribas |
| | ▪ Rentap | ▪ James Brooke menghapus kaum Iban di Sg Skrang<br>▪ Orang Iban dianggap lanun |
| | ▪ Syarif Masahor<br>▪ Dato Patinggi Abdul Ghafur | ▪ menolak penguasaan Brooke di Sg Rajang<br>▪ Mereka kehilangan kuasa memungut cukai<br>▪ mereka kehilangan kuasa ke atas penduduk tempatan |
| SABAH | ▪ Mat Salleh | ▪ Pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBUB) tidak menghiraukan kedudukan Mat Salleh<br>▪ SBUB menduduki kawasan Mat Salleh<br>▪ SBUB melaksanakan sistem cukai kepala & Surat Perahu<br>▪ Pegawai SBUB bersikap kasar kepada penduduk tempatan<br>▪ Gabenor Beauford menyerang & membakar kampung Mat Salleh |
| PERAK | ▪ Dato Maharaja Lela<br>▪ Sultan Abdullah<br>▪ Dato Sagor<br>▪ Menteri Ngah Ibrahim<br>▪ Pandak Lam<br>▪ Seputum<br>▪ Pandak Indut | ▪ Residen mungkir janji sebagai penasihat<br>▪ pembesar menolak sistem cukai yang menghapuskan hak mereka<br>▪ pembesar menolak penguasaan British di kawasan mereka<br>▪ British campurtangan dalam adat resam dan pentadbiran tempatan<br>▪ Birch tidak tahu berbahasa Melayu<br>▪ Birch tidak menghormati sistem sosial tempatan |
| NEGERI SEMBILAN | ▪ Yam Tuan Antah Sri Menanti<br>▪ Abdullah Tunggal ( Dato Syahbandar Sg Ujong ) | ▪ British menduduki Sg Ujong<br>▪ British menyokong Dato Kelana<br>▪ British menawan Bukit Putus, Jempul & Teraci |
| PAHANG | ▪ Dato Bahaman<br>▪ Tok Gajah<br>▪ Imam Rasul | ▪ Undang-undang British bertentangan dengan sistem politik & adat resam tempatan<br>▪ Undang-undang British menghakis kuasa Dato Bahaman |
| KELANTAN | ▪ Tok Janggut<br>▪ Engku Besar Jeram<br>▪ Tuan Ahmad | ▪ British memaksa penduduk tempatan mengguna sistem cukai |
| TERENGGANU | ▪ Haji Abdul Rahman Limbong | ▪ tidak puas hati dengan sistem cukai British<br>▪ tidak puas hati dengan undang-undang Tanah British |

4. *Senaraikan cara cara pentadbiran Inggeris menumpaskan penentangan pemimpin Melayu.*

| **CARA BRITISH MENUMPASKAN PENENTANGAN** | |
|---|---|
| **NANING** | ▪ Dol Said ditangkap & dibawa ke Melaka |
| **SARAWAK** | ▪ Syarif Masahor diserahkan oleh Sultan Brunei kepada British di Singapura<br>▪ Datu Patinggi Abdul Ghapur ditangkap Belanda & diserahkan pada James Brooke |
| **PERAK** | ▪ Dato Maharaja Lela, Seputum, Dato sagor dihukum gantung<br>▪ Sultan Abdullah dibuang negeri ke Pulau Seychelles<br>▪ Sultan Ismail dibuang ke Johor |
| **NEGERI SEMBILAN** | ▪ Dato Syahbandar Abdullah Tunggal dipujuk meletakkan jawatan dan berhijrah ke Singapura |
| **KELANTAN** | ▪ Mayat Tok Janggut diarak ke seluruh Pekan Kota Bharu & digantung di pasar |
| **TERENGGANU** | ▪ Haji Abdul Rahman Limbong ditangkap & dibuang ke Makkah |

5. *Jelaskan faktorfaktor yang membangkitkan semangat orang Melayu untuk menghalau penjajah Barat.*

| | |
|---|---|
| **Pengenalan Sitem Politik Barat** | ▪ British memperkenalkan sistem politik Barat<br>▪ British memusnahkan sistem politik tempatan<br>▪ British meletakkan residen mengambilalih pentadbiran negeri drp pembesar<br>▪ pembesar diberi pencen & diganti oleh pegawai British<br>▪ Perubahan British mencabar sistem tradisi dan menjatuhkan maruah |
| **Perkembangan sistem pendidikan** | ▪ British memperkenalkan sistem pendidikan Inggeris dan sekolah vernakular<br>▪ lahir golongan Melayu yang mampu berfikir mengenai bangsanya |
| **Dasar British** | ▪ British menggalakkan orang luar datang melabur, berniaga, bekerja dan menetap<br>▪ kemasukan buruh asing meningkatkan jumlah imigran<br>▪ kemasukan buruh asing menimbulkan persaingan dengan penduduk tempatan<br>▪ British menumpukan kemajuan di bandar sahaja<br>▪ wujud jurang taraf hidup bandar dengan luar bandar<br>▪ dasar British memundurkan orang Melayu |
| **Pendudukan Jepun** | ▪ Jepun memperkenalkan konsep "Kawasan Kesemakmuran Asia"<br>▪ penduduk Tanah Melayu membenci Jepun kerana kesengsaraan hidup dan kekejaman Jepun<br>▪ Penduduk Tanah Melayu membenci penjajah sama ada barat atau timur |
| **Parti Komunis Malaya** | ▪ penduduk Tanah Melayu membenci komunis kerana memerintah dengan kejam,<br>▪ membunuh penyokong Jepun<br>▪ menimbulkan konflik perkauman |
| **Kemunculan Mesin Cetak** | ▪ idea menentang penjajah dapat disebarkan melalui buku, majalah dll |
| **Gerakan PanIslamisme Sedunia** | ▪ gerakan intelektual Islam seluruh dunia untuk menentang penjajahan ke atas negara Islam |
| **Kesedaran Politik Serantau** | ▪ terpengaruh dengan gerakan kesedaran politik di Indonesia<br>▪ karya penulis Indonesia menjadi bahan bacaan masyarakat Tanah Melayu<br>▪ idea penulis Indonesia mengenai kebebasan politik & penentangan penjajahan tersebar luas dan dihayati masyarakat Melayu<br>▪ kemasukan orang Indonesia memudahkan penerimaan unsur nasionalisme Indonesia di Tanah Melayu |

6. ***Beri maksud gerakan PanIslamisme***

Gerakan PanIslamisme ialah gerakan intelektual Islam di seluruh dunia untuk mebangkitkan pemahaman tentang Islam untuk menentang penjajahan Barat ke atas negara-negara Islam.

7. **Huraikan perkembangan gerakan Islah di Tanah Melayu**

- Gerakan Islah ialah gerakan mendorong masyarakat Melayu supaya membetulkan pandangan mereka terhadap Islam berdasarkan Al Quran dan Hadis.
- bertujuan untuk memajukan umat Islam
- menggesa orang Melayu memajukan ekonomi, pendidikan, & sosial
- menyemat sikap mengkritik penjajah
- mengkritik raja & pembesar Melayu yang tidak berperanan memajukan Melayu
- Akhbar & majalah yang digunakan Al Imam, Neraca, Idaran zaman & Pengasuh
- Mendirikan madrasah untuk belajar
- Memberikan pendidikan Islam meliputi dunia & akhirat
- Menekankan mata pelajaran fardhu ain, ilmu Hisaab dan Bahasa Inggeris
- Memberi peluang pelajar perempuan mendapat pendidikan

8. ***Gerakan Islah Kaum Muda mendapat tentangan daripada Kaum Tua.***
***Siapakah Kaum Tua?***

- Golongan alim ulama
- mementingkan tentang akhirat sahaja
- mementingkan fardhu ain
- Kaum tua menentang perjuangan Kaum Muda
- Menyekat gerakan Kaum Muda
- tidak membenarkan kegiatan dakwah tanpa kebenaran sultan
- tidak membenarkan risalah Kaum Muda dibawa masuk

## 2.2.3 Akhbar, Majalah & Novel: Penggerak Kesedaran Kebangsaan.

1. ***Senaraikan TIGA tokoh penulis yang berjasa membangkitkan semangat kebangsaan melalui penulisan di akhbar, majalah dan novel.***

- Zainal abidin Ahmad ( Zaaba )
- Dato Onn Jaafar
- Abdul Rahim Kajai

2 ***Media massa seperti akhbar, majalah dan novel menjadi pilihan penulis untuk membangkitkan semangat nasionalisme.***
***Senaraikan :***

*i.* ***TIGA jenis akhbar, majalah dan novel yang digunakan sebagai saluran membangkitkan semangat nasionalisme.***
*ii.* ***TIGA tema utama yang sering digunakan dalam media massa tersebut***

| **AKHBAR: Warta Malaya, Lembaga Malaya, Warta Negara** | |
|---|---|
| **Sosial** | ▪ memajukan pendidikan Melayu<br>▪ memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi<br>▪ menggalakan pendidikan untuk anak perempuan |
| **Ekonomi** | ▪ mengurangkan orang dagang yang mengancam ekonomi Melayu<br>▪ menggalakkan niaga di kalangan Melayu<br>▪ menggalak orang Melayu berjimat cermat |
| **Politik** | ▪ mengkritik British mengurangkan kuasa orang Melayu<br>▪ menolak pilih kasih British dalam pentadbiran<br>▪ mengkritik raja-raja yang kurang mementingkan rakyat |

| **MAJALAH: Majalah Guru, Pengasuh, Bulan Melayu** | |
|---|---|
| **Majalah Guru** | ▪ menyeru perpaduan orang Melayu<br>▪ baiki taraf hidup Melayu<br>▪ majukan bahasa dan sastera Melayu |
| **Pengasuh** | ▪ gesa orang Melayu jauhi sifat buruk<br>▪ galak pendidikan orang Melayu<br>▪ mentafsirkan masalah orang Islam |
| **Bulan Melayu** | ▪ galakkan perpaduan guru perempuan<br>▪ galakkan perempuan mendapatkan pendidikan<br>▪ galak wanita menjaga kesopanan dan adat timur |

| NOVEL: Keris Melaka, Anak Mat Lela Gila, Putera Gunung Tahan, Melor Kuala Lumpur | |
|---|---|
| **Keris Melaka** | ▪ hargai tokoh-tokoh penentang penjajah |
| **Anak Mat Lela Gila** | ▪ cintai tanah air<br>▪ hargai warisan negeri sendiri |
| **Putera Gunung Tahan** | ▪ cintai Tanah air<br>▪ bangga dengan kebolehan sendiri |
| **Melor KualaLumpur** | ▪ wanita moden pentingkan pendidikan untuk memajukan diri<br>▪ wanita bebas memilih hala tuju kehidupan |

## 2.2.4 Perjuangan Nasionalisme Oleh Persatuan-persatuan Melayu

***1. Jelaskan perkembangan persatuan –persatuan Melayu dalam memperjuangkan nasionalisme Melayu***

| PERSATUAN MELAYU | TOKOH | TUJUAN PENUBUHAN | KEJAYAAN |
|---|---|---|---|
| **Kesatuan Melayu Singapura** | Mohammad Eunos Abdullah<br>Tengku Kadir Ali<br>Embok Suloh | ▪ menjaga kepentingan sosio ekonomi penduduk Melayu Singapura | ▪ dilantik menjadi wakil Melayu Ahli Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat<br>▪ memperoleh sebuah kawasan penempatan khas orang Melayu |
| **Persatuan Sahabat Pena** | S.M Zainal Abidin B.A | ▪ menggalakkan ahli berkenalan & bertukar pendapat memajukan diri & bangsa<br>▪ menggalakkan perpaduan dan persaudaraan orang Melayu seluruh Semenanjung | ▪ organisasinya kemas teratur<br>▪ mempunyai perlembagaan sendiri<br>▪ menjadi asas perpaduan Melayu |
| **Persatuan Negeri**<br>[di Negeri-negeri Melayu Bersekutu persatuan negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang] | | ▪ menggabungkan tenaga intelektual Melayu<br>▪ membincangkan nasib orang Melayu dalam ekonomi, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan | |
| **Persatuan Melayu Sarawak** | Datu Patinggi Abang Abdillah | | ▪ menghadiri Kongress Melayu di Singapura |
| **Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak** | Datu Patinggi Abang Abdillah | ▪ mengeratkan perpaduan Melayu<br>▪ menggalakkan pendidikan<br>▪ menjaga budaya dan maruah bangsa<br>▪ menegak ajaran agama Islam | ▪ mendapat sambutan orang Melayu Kucing |
| ***Cawangan Persatuan Sahabat Pena Jesselton/Labuan & Tawau*** | | | ▪ Cawangan Persatuan Sahabat Pena Jesselton/Labuan & Tawau<br>▪ ahli terdiri daripada peniaga kecil/guru sekolah/pegawai rendah kerajaan<br>▪ persatuan tidak aktif kerana kesulitan perhubungan & taraf pendidikan rendah |

| | | | |
|---|---|---|---|
| *Kesatuan Melayu Muda* | Ibrahim Hj Yaakob | ▪ menggalakkan perpaduan di kalangan pemuda Melayu<br>▪ meningkatkan tahap pendidikan orang Melayu<br>▪ bekerjasama dengan British menghalau Jepun | ▪ menjadikan KMM sebuah badan propaganda Jepun<br>▪ beli Warta Malaya untuk dijadikan propaganda anti British<br>▪ KMM mengelilingi Tanah Melayu mencari sokongan<br>▪ menyediakan tentera semut untuk menentang British |

**2.** ***Kongres Melayu telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 1939 dan 1940. Jelaskan hasil kejayaan pertemuan pemimpinpemimpin Melayu dalam Kongres tersebut?***

- kemuncak kesedaran kebangsaan orang Melayu menjelang Perang Dunia Kedua
- menggambarkan perpaduan Melayu untuk mengatasi masalah ekonomi & politik
- orang Melayu berjaya mengatasi perasaan kenegerian
- berjaya membincangkan soal kemunduran orang Melayu dalam pendidikan/ekonomi dan layanan pilih kasih British
- tanda sepakat orang Melayu dalam satu gerakan nasionalisme

### 2.2.5 Gerakan Nasionalisme semasa Pendudukan Jepun

**1.** ***Bagaimanakah Jepun berjaya menyekat perjuangan nasionalisme orang Melayu?***

- menjalankan Dasar Pemerintahan Ketenteraaan
- haramkan semua akhbar
- menukar semua akhbar tempatan kepada nama Jepun
- semua sekolah menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar
- menerapkan nilai budaya Jepun
- menyekat kebebasan bersuara
- menyokong pertubuhan yang menyokong Jepun

**2.** ***Senaraikan aktiviti perjuangan menentang Jepun yang berlaku sepanjang pemerintahan Jepun di Tanah Melayu?***

| | |
|---|---|
| **MPAJA** | ▪ PKM menubuhkan MPAJA<br>▪ disokong oleh British<br>▪ dibekalkan bantuan senjata<br>▪ menjalankan perang gerila ke atas Jepun |
| **Bintang Tiga** | ▪ menubuhkan Pasukan Bintang Tiga |
| **Force 136** | ▪ ditubuhkan Force 136<br>▪ ahlinya ialah pegawai tadbir Melayu yang bekerjasama dengan British<br>▪ bergerak secara gerila di hutan<br>▪ aktif di Kedah, Johor dan Pahang |
| **Wataniah** | ▪ ditubuhkan pasukan wataniah<br>▪ pasukan sukarela menentang Jepun<br>▪ ahlinya ialah guru/pegawai tadbir kerajaan/orang kampung |

## Bab 3 Kesedaran Pembinaan Negara dan Bangsa

**1.** ***Masyarakat Melayu tradisional dan kuasa British berbeza pendapat mengenai erti KERAJAAN & NEGERI. Jelaskan perbezaan erti Kerajaan dan Negeri mengikut pandangan Melayu dengan pandangan British.***

| Sudut pandangan | Kerajaan | Negeri |
|---|---|---|
| *Pandangan Melayu* | ▪ kedudukan raja dianggap tinggi<br>▪ raja bertanggungjawab menjamin keselamatan rakyat<br>▪ raja memberi perlindungan politik kepada rakyat<br>▪ sempadan kerajaan ditentukan dengan kesetiaan rakyat<br>▪ rakyat mengakui kuasa raja<br>▪ kerajaan yang kuat akan menakluk kerajaan yang lemah | ▪ negeri ialah kawasan |
| *Pandangan British* | ▪ konsep kerajaan luput<br>▪ kerajaan Melayu dianggap negeri<br>▪ kerajaan British menetapkan sempadan setiap kerajaan | - |

**2.** ***Apakah maksud bangsa?***
Bangsa ialah sekumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan atau warganegara sesebuah bangsa.

**3.** ***Jelaskan maksud <u>konsep Bangsa Malaysia</u>***
- terdiri daripada berbilang kaum
- dibentuk melalui satu bahasa kebangsaan
- mengamalkan budaya kebangsaan
- mengamalkan Rukun Negara
- dibentuk hasil perjuangan,pengisian dan pengekalan Kemerdekaan
- proses pembinaan bangsa Malaysia masih berterusan

**4.** ***Jelaskan maksud Negara Bangsa***
Negara Bangsa bermaksud negara yang mempunyai persamaan rumpun bangsa dan bahasa

**5.** ***Apakah maksud "Real Politik"***
Real politik bermaksud amalan yang mewajarkan apa sahaja cara seperti tipu helah,kekerasan bersenjata dan peperangan untuk mencapai matlamat politik

**6.** ***Apakah isi kandungan Deklarasi Empat Belas Perkara Woodrow Wilson?***
- nasib negara ditentukan oleh rakyat sendiri
- sempadan negara mesti berasaskan bangsa

**7.** ***Beri EMPAT contoh negara bangsa yang wujud selepas Perang Dunia Pertama***
i. Estonia, ii. Finland iii. Latvia iv. Poland

*8. Jelaskan bagaimanakah pembentukan negara bagi negara-negara di bawah*

| PEMBENTUKAN NEGARA BANGSA | |
|---|---|
| **ITALI** | ▪ orang Itali menghalau orang Austria<br>▪ dipimpin oleh Count Camillo Benso di Cavour<br>▪ menggunakan amalan Real Politik<br>▪ mewujudkan kerjasama dengan Napoleon menumpaskan Austria<br>▪ membuat pungutan suara rakyat<br>▪ menghadiahkan wilayah Venetia kepada Itali |
| **JERMAN** | ▪ dipimpin oleh Bismarck<br>▪ menggunakan amalan Real Politik<br>▪ mengamalkan politik darah dan besi<br>▪ Bismarck menggunakan pelbagai helah,provokasi, pemalsuan dokumen, penipuan , ugutan mencetuskan peperangan<br>▪ gunakan isu benci kuasa asing<br>▪ rakyat menerima sistem kediktatoran Bismarck |

| | |
|---|---|
| **MADINAH** | ▪ dibentuk oleh Nabi Muhammad SAW<br>▪ membentuk perlembagaan sebelum membentuk negara<br>▪ membentuk Piagam Madinah<br>▪ menyatukan masyarakat berbilang kaum<br>▪ negara dibentuk dengan cara diplomasi,musyawarah dan permaufakatan<br>▪ wujud kerjasama antara pemimpin dengan pemimpin dan rakyat dengan rakyat |

**9.** ***Huraikan perbezaan dalam pembentukan sesebuah negara mengikut pandangan Barat dengan pandangan Islam.***

| BARAT | ISLAM |
|---|---|
| ▪ mewujudkan negara yang mempunyai persamaan rumpun bangsa dan bahasa<br>▪ menggunakan amalan yang mewajarkan apa sahaja cara seperti tipu helah,kekerasan bersenjata dan peperangan untuk mencapai matlamat politik<br>▪ percaya nasib negara ditentukan oleh rakyat sendiri<br>▪ sempadan negara mesti berasaskan bangsa<br>▪ mengamalkan politik darah dan besi | ▪ negara dibentuk dengan cara diplomasi, musyawarah dan permaufakatan<br>▪ wujud kerjasama antara pemimpin dengan pemimpin dan rakyat dengan rakyat |

**10.** ***Bagaimanakah pula negara anda iaitu Malaysia dibentuk?***

- dibentuk oleh pemimpin yang bijak
- tidak melibatkan pertumpahan darah
- kemerdekaan dicapai secara rundingan
- kemerdekaan dicapai secara Pakatan Murni
- kemerdekaan dicapai secara tolak ansur antara tiga kaum
- hasil pandangan jauh pemimpin

**11.** ***Huraikan ciri-ciri negara dan bangsa***

| CIRI NEGARA DAN BANGSA | |
|---|---|
| **NEGARA** | ▪ mempunyai penduduk<br>▪ mempunyai sempadan<br>▪ mempunyai pemerintah<br>▪ institusi pemerintahan yang tersusun<br>▪ institusi yang membuat keputusan politik<br>▪ institusi yang menguatkuasa undang-undang dan peraturan kerajaan |
| **BANGSA** | ▪ merujuk pada sekumpulan manusia yang diam dalam sesuatu wilayah<br>▪ mempunyai persamaan bahasa, adat resam, kesenian & pengalaman sejarah. |
| **KERAJAAN** | ▪ institusi yang mengubal dan melaksana Undang-undang<br>▪ merujuk kepada semua badan yang membuat, mentafsir dan melaksanakan dasar-dasar<br>▪ bertindak sebagai pengaman<br>▪ bertindak sebagai penentu arah sesebuah kerajaan |
| **PERLEMBAGAAN** | ▪ peraturan tertinggi bertulis atau tidak bertulis<br>▪ peraturan yang menjadi rujukan mentadbir dan memerintah negara<br>▪ menjamin perlindungan kepada rakyat |

***12. Huraikan ciri-ciri Negara dan Bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka***

| CIRI NEGARA BANGSA DALAM KESULTANAN MELAYU MELAKA | |
|---|---|
| **WILAYAH PENGARUH** | ▪ mempunyai wilayah taklukan yang luas<br>▪ empayarnya meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh Timur Sumatera |
| **KEDAULATAN** | ▪ raja mempunyai kedaulatan<br>▪ bebas daripada campur tangan kuasa luar |
| **LAMBANG** | ▪ kesultanan Melayu Melaka mempunyai nobat<br>▪ mempunyai alat regalia seperti Tengkolok di Raja, Pending dan kalung<br>▪ mempunyai warna diraja seperti warna kuning<br>▪ mempunyai bahasa istana seperti Tunku, Patik, Beta<br>▪ mempunyai undang-undang bertulis seperti undang-undang Laut Melaka dan Hukum Kanun Melaka<br>▪ mempunyai adat istiadat istana dan protokol |
| **RAKYAT** | ▪ rakyat taat kepada raja<br>▪ rakyat pertahankan negara<br>▪ rakyat hadir pada adat istiadat kerajaan |
| **KERAJAAN** | ▪ raja merupakan kuasa tertinggi<br>▪ raja dibantu oleh empat pembesar<br>▪ pembesar menjamin kesentosaan sistem pemerintahan |

***13. Jelaskan undang-undang bertulis yang diamalkan di zaman kesultanan Melayu Melaka.***

| HUKYUM KANUN MELAKA | UNDANG-UNDANG LAUT MELAKA |
|---|---|
| ▪ dipengaruhi unsur adat dan agama Islam<br>▪ mengandungi 44 fasal<br>▪ menyentuh bidang kuasa raja<br>▪ menyentuh bidang kuasa pembesar<br>▪ menyentuh pantang larang di kalangan masyarakat<br>▪ menyatakan hukuman terhadap kesalahan jenayah awam, Undang-undang keluarga | ▪ dipengaruhi unsur adat dan Islam<br>▪ menyentuh tatacara pelayaran di laut<br>▪ menyatakan tangungjawab pengawal kapal<br>▪ menyatakan aturcara pelayaran<br>▪ menyatakan tatacara peniagaan di laut<br>▪ menjelaskan bidang kuasa nakhoda kapal<br>▪ menjelaskan hukuman jenayah di laut |

***14. Huraikan pengaruh Kesultanan Melayu Melaka ke atas negeri-negeri Melayu seperti Johor, Perak dan Pahang.***

- Negeri Johor, Perak dan Pahang menggunakan sistem pemerintahan kesultanan Melayu Melaka
- menggunakan adat istiadat Melayu Melaka
- mengamalkan agama Islam
- menggunakan bahasa Melayu
- negeri tersebut diasaskan oleh kerabat diraja Melaka
- semua negeri tersebut menggunakan gelaran sultan
- mengamalkan sistem perwarisan takhta
- mementingkan jurai keturunan sebelah bapa
- mengamalkan Sistem Pembesar Empat Lipatan
- kitab undang-undang disalin dan dipinda berdasarkan Hukum Kanun Melaka

***15. Halkan mengenai undang-undang Tubuh Kerajaan Johor***

- diperkenalkan oleh Sultan Abu Bakar
- merupakan perlembagaan bertulis
- digubal supaya membentuk negara demokrasi menggantikan pemerintahan raja berkuasa mutlak
- Undang-undang ini berjaya memantapkan kerajaan Johor
- digubal untuk menghalang penjajahan Inggeris
- peraturan yang lengkap dan teratur
- menyatakan waris sultan Johor mestilah keturunan sultan
- mengiktiraf orang Melayu sebagai rakyat Johor
- mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi Johor
- diasaskan mengikut perlembagaan Barat
- raja dilantik mestilah berbangsa Melayu
- raja mestilah lelaki
- raja mestilah beragama Islam
- raja mestilah waris pemerintah Johor

- Raja, Menteri dilarang menyerahkan negeri kepada kuasa/kerajaan lain
- raja berhak memilih Menteri Besar
- Jemaah Menteri berhak memilih jawatan Naib Menteri Besar dengan persetujuan raja
- Majlis Mesyuarat dibahagi dua iaitu Majlis Negeri dan Jemaah Menteri

<u>Majlis Negeri</u>

- Majlis Negeri mempunyai kuasa perundangan
- dipengerusikan oleh Menteri Besar
- Jemaah Menteri mempunyai kuasa perlaksanaan
- membantu raja dan Jemaah Menteri mentadbir negeri dan rakyat

<u>Jemaah Menteri</u>

- merupakan ahli majlis negeri
- mempunyai lapan hingga dua belas orang pegawai kerajaan
- mereka berbangsa Melayu
- mereka beragama Islam
- merupakan rakyat Johor
- setiap menteri mesti mengangkat sumpah
- setiap menteri mesti memberi taat setia kepada Raja dan Kerajaan Johor
- Jemaah Menteri bersidang sebulan sekali atau bila diminta oleh Raja atau Menteri Besar atau Naib Menteri Besar atau dengan permintaan tiga orangahli Jemaah Menteri

***16. Halkan mengenai Sistem Jemaah Menteri yang diamalkan di Kelantan***

- diamalkan sejak pemerintahan Sultan Muhammad I
- bertujuan melicinkan pentadbiran dan pemerintahan Kelantan
- mengandungi lapan Badan Jemaah Menteri
- setiap badan dianggotai empat pembesar
- Sultan Muhammaad II menyingkir golongan pembesar keturunan raja
- dibantu oleh golongan pembesar bergelar Nik dan Wan

***17. Jelaskan tugas-tugas Jemaah Menteri di Kelantan***

- Jemaah menteri raja : mengurus perkara dan urusan bukan rahsia
- Jemaah menteri Istana : menguruskan istiadat diraja dan istiadat rasmi di seluruh Kelantan
- Jemaah Menteri Keadilan Dan Kehakiman : mengendalikan urusan keadilan dan kehakiman
- Jemaah Menteri Dalam Negeri : menjaga keamanan negeri
- Jemaah Menteri Luar : menguruskan dasar dan hal ehwal luar negeri
- Jemaah Menteri Perbendaraan : mengendalikan harta bendadan hasil mahsul
- Jemaah Menteri Peperangan : menguruskan pertahanan dan keamanan negeri
- Jemaah Menteri Pentadbiran Dan Pengimarahan Negeri : menguruskan kemajuan dan pembangunan negeri

***18. Huraikan mengenai undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu***

- menggambarkan kebijaksanaan pemerintah Terengganu
- sebagai benteng mengekalkan kedaulatan Terengganu
- diperkenalkan oleh Sultan Zainal Abidin III
- Undang-undang ini berasaskan undang-undang Tubuh Kerajaan Johor
- diperkenalkan untuk menghalang British meluaskan kuasa di Terengganu
- Undang-undang ini masih mengekalkan sistem monarki
- Meletakkan agama Islam sebagai agama negeri
- Pemerintahan beraja bercorak perlembagaan
- Raja mestilah beragama Islam.
- raja mesti berbangsa Melayu
- raja mestilah lelaki
- raja mestilah waris sultan Terengganu
- sultan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Jemaah Menteri
- menteri mestilah beragama Islam, Melayu, rakyat Terengganu serta mengaku taat setia kepada Sultan dan Kerajaan.
- melarang waris sultan dan menteri khianati pemerintah dan menyerahkan negeri kepada kuasa lain.

***19. Huraikan peranan Majlis Mesyuarat Kerajaan***

- diketuai Menteri Besar
- membantu Sultan dan Jemaah Menteri mentadbir negeri
- menjaga keamanan negeri
- menggubal undang-undang dan peraturan negeri
- menjaga kebajikan rakyat
- menjalinkan hubungan persahabatan dengan negeri lain

22. ***Halkan mengenai sistem pentadbiran berdasarkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan***

- mengamalkan pemerintahan Adat Perpatih iaitu kedaulatan di tangan Rakyat
- lantikan pemimpin dibuat daripada peringkat bawah iaitu Anak Buah, diikuti Buapak, Lembaga, Undang dan Yang Di pertuan Besar tidak berhak melantik pembesar
- Yang diPertuan Besar merupakan pemerintah tertinggi di Negeri Sembilan
- setiap keputusan Yang diPertuan Besar adalah hasil perbincangan Yang Dipertuan Besar dengan Undang
- Negeri Sembilan dibahagikan kepada Empat jajahan atau Luak iaitu Luak Rembau, Luak Sungai Ujong,Luak Jelebu dan Luak Johol.
- Ketua setiap Luak ialah Undang yang dilantik oleh Lembaga
- Undang bertanggungjawab melantik Yang diPertuan Besar
- Di bawah Undang ialah Lembaga
- Lembaga dilantik oleh Buapak
- Setiap Lembaga bertanggungjawab kepada suku masing-masing.
- Lembaga berkuasa memilih individu yang layak menjadi Undang

- Buapak merupakan Ketua Perut
- Buapak menjadi tempat rujukan setiap masalah yang berkaitan adat

## BAB 4 PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

**1. *Jelaskan SEBAB-SEBAB Kerajaan British ingin memperkenalkan Malayan Union.***

- persediaan Tanah Melayu membentuk kerajaan sendiri
- untuk melicinkan pentadbiran
- untuk menjimatkan kos pentadbiran
- membentuk bangsa Malayan Union
- supaya golongan pendatang lupa asal usul mereka
- supaya golongan pendatang taat setia kepada Malayan Union
- memastikan sumber tenaga dan pelaburan British tidak terbantut
- menjamin penguasaan ekonomi di Tanah Melayu secara berterusan
- mengurangkan kuasa politik orang Melayu

**2. *Apakah yang anda faham mengenai Malayan Union?***

- semua negeri-negeri Melayu disatukan
- Singapura diasingkan
- Malayan Union ditadbir oleh Gabenor British
- dibentuk Majlis Eksekutif dan Majlis Undangan Malayan Union
- kerakyatan secara sama rata atau Jus Soli
- raja-raja hanya membincangkan soal agama Islam & adat istiadat Melayu
- dilantik Pesuruhjaya British di setiap negeri sebagai ketua pentadbir
- pentadbirannya berpusat di London
- Malaya Union menolak tradisi dan sistem politik Melayu

**3. *Apakah maksud Jus Soli***

- memberi kerakyatan kepada sesiapa sahaja yang lahir di Tanah Melayu & Singapura
- kerakyatan kepada mereka yang berumur 18 tahun ke atas
- tinggal tetap selama 10 hingga 15 tahun
- kerakyatan diberikan jika bawah 18 tahun tetapi merupakan anak warganegara
- kerakyatan kepada semua rakyat British daripada tahan jajahan

**4. *Kenapakah orang Melayu menentang penubuhan Malayan Union?***

| | |
|---|---|
| **Faktor Sultan** | ▪ sultan diugut diturunkan takhta jika enggan menurunkan tandatangan<br>▪ sultan tidak diberikan masa yang cukup untuk berunding<br>▪ terdapat Sultan yang menurunkan tandatangan atas dasar setia kawan |
| **Faktor Orang Melayu** | ▪ Malayan Union menghakis kuasa raja<br>▪ Raja hanya menjadi ahli Majlis tanpa sebarang kuasa<br>▪ raja hilang takhta dan kredibiliti sebagai ketua orang Melayu |
| **Faktor agama Islam** | ▪ zakat dipungut oleh Gabenor Malayan Union<br>▪ Raja bukan lagi ketua agama Islam<br>▪ bimbang Islam akan tercabar |
| **Faktor Kerakyatan** | ▪ pemberian kerakyatan yang longgar kepada orang asing<br>▪ dasar ini mengancam status quo orang Melayu<br>▪ Jumlah orang Melayu akan menjadi kecil<br>▪ bimbang ekonomi dan pendidikan Melayu menjadi mundur |
| **Faktor Warisan** | ▪ bimbang hilang warisan tamadun Melayu<br>▪ Malayan Union menghapuskan sejarah yang dibina oleh Kerajaan Melaka |

5. ***Penubuhan Malayan Union juga mendapat sokongan daripada beberapa pihak***
***Senaraikan golongan yang menyokong penubuhan Malayan Union dan nyatakan alasan-alasan mereka menyokong penubuhan Malayan Union***

<table>
<tr><th colspan="2">ALASAN MENYOKONG</th></tr>
<tr><td>ORANG DAGANG<br>▪ Orang asing yang datang ke Tanah Melayu mencari nafkah dan tidak berhasrat menetap di Tanah Melayu</td><td rowspan="2">▪ dapat melicinkan pentadbiran<br>▪ menghapuskan dasar-dasar pelindungan kepada orang Melayu<br>▪ mereka dapat mengekalkan kerakyatan masing-masing<br>▪ percaya janji British akan memerdekakan Tanah Melayu</td></tr>
<tr><td>ORANG MELAYU RADIKAL<br>▪ Orang Melayu yang menolak sistem feudal<br>▪ memandang Indonesia sebagai sumber inspirasi<br>▪ menyokong penubuhan Melayu Raya<br>▪ menyokong gabungan dengan Indonesia Raya<br>▪ berasal dari Indonesia</td></tr>
<tr><td>▪ Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)<br>▪ Angkatan Pemuda Insaf (API)<br>▪ Angkatan Wanita Sedar (AWAS)<br>▪ Barisan Tani Malaya ( BATAS )</td><td>▪ pemerintan Malayan Union bersifat Barat<br>▪ Malayan Union menghapuskan sistem feudal<br>▪ Malayan Union tidak mengiktiraf kuasa raja dan pembesar Melayu<br>▪ yakin konsep republik dapat diwujudkan<br>▪ yakin konsep Melayu Raya diwujudkan<br>▪ pentadbiran Islam dipermudahkan</td></tr>
<tr><td>Pegawai tadbir Melayu</td><td>▪ British ialah kuasa besar<br>▪ British kuasa cekap membangunkan Tanah Melayu</td></tr>
</table>

6. ***Jelaskan cara-cara yang digunakan oleh orang Melayu untuk menghalang penubuhan Malayan Union***

- membantah melalui akhbar seperti Utusan Melayu & Majlis
- demontrasi semasa Harold Mac Micheal meminta tandatangan sultan
- menghidupkan semula persatuan-persatuan Melayu
- hantar telegram dan surat bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan
- Datuk Onn menyeru orang Melayu berkongres
- menubuhkan Persatuan Melayu Bersatu (UMO)
- mengadakan Konges Melayu 1946
- menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) untuk menentang Malayan Union
- membantah pengisytiharan Malayan Union melalui Kongres Melayu Kedua
- mengadakan rapat umum di setiap bandar besar
- raja-raja Melayu berkumpul di Kuala Kangsar sebagai bantahan

7. ***Apabila Malayan Union mendapat tentangan orang Melayu, maka British telah bersetuju memperkenalkan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.***
***Apakah faktor-faktor yang menyebabkan British bersetuju membentuK Persekutuan Tanah Melayu?***

- sikap tegas orang Melayu membantah Malayan Union
- wujud perpaduan antara golongan raja dan rakyat
- orang Melayu berjaya mendesak dan memujuk British
- sokongan bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu
- Bekas pegawai British menolak dasar menjajah semula oleh British
- sokongan daripada pegawai tinggi British seperti Sir Edward Gent
- sikap politik sederhana orang Melayu
- orang Melayu tidak mengangkat senjata
- Umno dan Raja-raja Melayu hanya meminta rundingan menolak Malayan Union
- Orang Melayu tidak menuntut kemerdekaan
- British bimbang Melayu dipengaruhi gerakan politik Indonesia
- Piagam Atlantik 1945 tidak menggalakkan penjajahan baru tetapi meminta negara jajahan diberi latihan berkerajaan sendiri

8. ***Persekutuan Tanah Melayu merupakan cadangan bentuk negara yang akan menggantikan Malayan Union. Huraikan LIMA perkara yang menjadi tuntutan orang Melayu yang perlu ada di dalam Persekutuan Tanah Melayu .***

- menolak struktur dan prinsip Malayan Union
- inginkan sebuah persekutuan seperti konsep Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- menolak kerakyatan secara terbuka
- meminta dipulihkan dasar perlindungan terhadap negeri-negeri Melayu dan orang Melayu
- meminta Raja-raja Melayu diakui semula sebagai ketua negeri-negeri Melayu

| | **Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar** | Tujuan<br>▪ menubuhkan Bilik Gerakan di Kuala Lumpur<br>▪ bertujuan menyelaras pembangunan ekonomi peringkat negeri, daerah dan kampung<br>▪ melancarkan Buku Merah mengandungi program, perlaksanaan dan kaedah mengesan tahap pencapaian |
| **Rancangan Malaysia Pertama** | **Matlamat** | ▪ menggiatkan pembukaan tanah di bawah FELDA<br>▪ mewujudkan projek baru seperti Tiga Segi Jengka, Johor Tenggara dan Pahang Tenggara |
| | **Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)** | Tujuan<br>▪ membantu FELDA menjalankan pembangunan ekonomi di luar bandar |
| | **Majlis Amanah Rakyat (MARA) menggantikan RIDA** | Tujuan<br>▪ bantu bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian<br>▪ membantu usahawan bumiputera<br>▪ menambah guna tenaga bumiputera<br>▪ meningkatkan ekuiti bumiputera<br>▪ menyedia kemudahan asas pada bumiputera |

| | | |
|---|---|---|
| | **BANK BUMIPUTERA** | Tujuan<br>▪ menggalakkan bumiputera menyertai bidang perusahaan dan perdagangan |
| | **Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)** | Tujuan<br>▪ menggalakkan bumiputera menyertai bidang perusahaan dan perdagangan |
| | **Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia [MIDA]** | Tujuan<br>▪ menggalakkan bumiputera menyertai bidang perusahaan dan perdagangan |
| | **Lembaga Penasihat Tarif** | |
| | **Akta Pelaburan** | Tujuan<br>▪ menggalakkan kemunculan industri baru |

**10.** ***Apakah matlamat yang ingin dicapai kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kedua?***

- menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial antara kaum,kawasan dan wilayah
- membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum
- menambah pendapatan semua kaum
- menyediakan peluang pekerjaan
- menghapus identiti kaum mengikut fungsi ekonomi

11. Apakah agensiagensi yang ditubuhkan bagi menjayakan matlamat Rancangan Malaysia Kedua

| | |
|---|---|
| **Lembaga Padi dan Beras Negara [LPN]** | Tujuan<br>▪ menstabilkan harga padi |
| **Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia [LKIM]** | Tujuan<br>▪ membangun dan memodenkan industri perikanan<br>▪ meningkatkan taraf hidup nelayan |
| **Perbadanan Pembangunan Bandar [UDA]** | Tujuan<br>▪ membangunkan bandar |
| **Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah [RISDA]** | Tujuan<br>▪ membantu pekebun kecil dari segi penyelidikan getah<br>▪ membantu pekebun kecil dari segi penanaman semula getah |
| **Lembaga Pertubuhan Peladang [LPP]** | Tujuan<br>▪ melibatkan petani dalam kegiatan koperasi |
| **Petroleum Nasional Berhad [PETRONAS]** | Tujuan<br>▪ memajukan sektor industri dan perniagaan berkaitan petroleum |
| **Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri [PKEN]** | Tujuan<br>▪ menggalakan perindustrian dan perdagangan<br>▪ menyediakan tapak perindustrian, perumahan, ruang pejabat dan Kedai |

**12.** ***Apakah matlamat yang ingin dicapai dalam Rancangan Malaysia Ketiga.***

- mendokong aspirasi DEB
- membasmi kemiskinan
- menyusun semula masyarakat

**13.** ***Senaraikan usahausaha yang dilaksanakan untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga.***

- meneruskan program pembagunan dan perindustrian
- membuka peluang pekerjaan
- meningkatkan taraf hidup rakyat

- membuka tanah secara besarbesaran di bawah agensi Lembaga Kemajuan Johor
- Tenggara ( KEJORA ), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH ), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara ( DARA) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ( KESEDAR )
- menumpukan pada tanaman kelapa sawit untuk eksport
- meluaskan peranan agensi pembangunan wilayah dalam pembangunan industri dan pembukaan bandar baru

**14. *Apakah tumpuan utama dalam Rancangan Malaysia Keempat?***
- meneruskan usaha Dasar Ekonomi Baru
- membasmi kemiskinan
- menyusun semula masyarakat

**15. *Apakah usahausaha yang dijalankan dalam Rancangan Malaysia Keempat?***

| | |
|---|---|
| **Industri Berat** | ▪ menumpukan kepada perusahaan berat berasaskan pelaburan modal<br>▪ menumpukan pada perusahaan berat berteknologi tinggi<br>▪ menumpukan pada perusahaan berat yang memerlukan tenaga mahir |
| **HICOM** | ▪ kerajaan menubuhkan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM)<br>▪ mengenalpasti, memulakan dan menguruskan projek industri berat dengan cekap |
| **Kawasan Perusahaan Baru** | ▪ membuka kawasan perusahaan baru seperti Skudai ( Johor ), Senawang ( Negeri Sembilan ), Bintulu ( Sarawak ),Menggatal dan Likas ( Sabah ) |
| **Zon Perdagangan Bebas** | ▪ membuka zon perdagangan bebas di Bayan Lepas ( Pulau Pinang) dan Sungai Way ( Selangor ) |
| **Kajian Dasar Perindustrian Malaysia** | ▪ melancarkan Kajian Dasar Perindustrian Malaysia<br>▪ mengkaji kelemahan struktur perindustrian negara<br>▪ menyediakan hala tuju pembangunan industri dan strategi perlaksanaannya |
| **Pelan Induk Perindustrian** | ▪ Melancarkan Pelan Induk Perindustrian |
| **Dasar Pengswastaan**<br>▪ **Dasar Persyarikatan Malaysia** | ▪ melibatkan sektor swasta menjana ekonomi negara<br>▪ dapat mengurangkan bebanan kewangan negara |
| **Permodalan Nasional Berhad**<br>▪ **Skim Amanah Saham Nasional (ASN)** | ▪ untuk mengimbangi pemilikan harta dan saham perindustrian antara bumiputera dengan bukan bumiputera |
| **Dasar Pertanian Negara** | ▪ untuk memodenkan dan menggiatkan sektor pertanian<br>▪ untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan |

**16. *Apakah pula matlamat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelima ?***
- merealisasikan aspirasi Dasar Ekonomi Baru (DEB)
- meningkatkan sektor perindustrian
- melonggarkan peraturan hak milik syarikat
- melonggarkan peraturan perlesenan dalam sektor swasta
- melonggarkan syarat pelaburan modal asing dalam sektor perindustrian berorentasikan eksport
- berusaha meningkatkan kecekapan pengurusan agensi dalam kerjasama dengan sektor swasta

**17. *Senaraikan usahausaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam menjayakan Rancangan Malaysia Kelima.***
- terus membangunkan kawasan luar bandar
- penggunaan tanah lebih cekap
- menggalakkan industri desa
- kemudahan kredit dan insentif diperluaskan melalui agensi Bank Pertanian Malaysia, Skim Pinjaman Khas Pertanian dan Amanah Ikhtiar Malaysia.
- menggalakkan sektor pelancongan
- menubuhkan Perbadanan Pelancongan Malaysia (TDC)
- melancarkan Tahun Lawat Malaysia
- menggalakkan bidang penyelidikan dan pembangunan

18. ***Apakah kesan Rancangan Lima Tahun kepada negara sehingga 1990 ?***

- menunjukkan kemajuan
- merapatkan jurang antara kaum dan wilayah
- meningkatkanKDNK kepada RM 59155
- menurunkan kadar kemiskinan kepada 17.1 %
- meningkatkan pendapatan per kapita kepada RM 6180
- meningkatkan hak milik modal saham kaum bumiputera kepada 20.3 %
- berjaya mengurangkan hak milik modal saham orang asing kepada 33.5%

19. ***Senaraikan usaha-usaha yang dilakukan kerajaan dalam Dasar Pembangunan Ekonomi***

- Dasar Pertanian Negara
- Dasar Persyarikatan Malaysia
- Dasar Penswastaan
- Dasar Hala Tuju Cara Baru
- Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara
- Dasar Kependudukan

20. Huraikan secara terpernci mengenai setiap rancangan dalam Dasar Pembangunan Ekonomi

| | |
|---|---|
| **Dasar Pertanian Negara** | **<u>Matlamat</u>**<br>▪ meningkatkan pendapatan sektor pertanian ke tahap maksimum<br>▪ dapat menguruskan sumber ekonomi negara dengan cekap dan berkesan<br>▪ memaksimumkan pendapatan pekebun kecil<br>▪ memajukan komoditi utama yang berpotensi untuk dieksport |
| | **<u>Strategi/usaha</u>**<br>▪ menggalakkan pembukaan tanah baru di bawah FELDA, agensi pembangunan wilayah dan negeri<br>▪ galakkan penglibatan swasta dalam projek penswastaan pertanian di bawah kementerian Pertanian |
| **In Situ** | ▪ perkenalkan program In Situ<br>▪ memulihkan kawasan yang berproduktiviti rendah<br>▪ menyediakan perkhidmatan sokongan pertanian seperti pemasaran, kredit, subsidi dan penyelidikan |
| **Dasar Persyarikatan Malaysia** | **<u>Matlamat</u>**<br>▪ untuk merangsang penglibatan sektor swasta secara aktif dan berkesan |
| | **<u>Strategi/ usaha</u>**<br>▪ Malaysia dianggap sebuah syarikat yang dimiliki bersama oleh kerajaan dan swasta<br>▪ semua kakitangan kerajaan dan swasta bertanggungjawab memajukan syarikat iaitu Malaysia<br>▪ ditubuhkan badan panel perunding antara pihak kerajaan dan swasta<br>▪ pegawai kerajaan ditempatkan di syarikat swasta untuk menjalin hubungan dan berkongsi kepakaran<br>▪ sektor swasta perlu memahami dasar kerajaan dan utamakan kepentingan nasional disamping keuntungan<br>▪ pihak kerajaan memberikan perkhidmatan sokongan bagi memudahkan operasi sektor swasta |
| **Dasar Penswastaan** | **<u>Matlamat</u>**<br>▪ bermatlamat mengurangkan beban kewangan kerajaan<br>▪ bertujuan meningkatkan produktiviti<br>▪ bertujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan atau barangan<br>▪ dapat mempercepatkan pembangunan ekonomi negara melalui pelaburan modal<br>▪ kerajaan memindahkan perkhidmatan,perusahaan, kepentingan, pelaburan dan kuasa tertentu kepada sektor swasta |
| | **<u>Strategi/usaha</u>**<br>▪ menubuhkan Unit Perancangan Ekonomi (UPE)<br>▪ UPE bertindak sebagai jawatankuasa penswastaan memberi garis panduan kepada kementerian atau jabatan yang inginkan penswastaan<br>▪ penswastaan boleh dijalankan sepenuh atau sebahagaian |

| | |
|---|---|
| **Dasar Hala Tuju Cara Baru** | <u>Matlamat</u><br>▪ untuk bangunkan kawasan luar bandar<br>▪ meningkatkan pendapatan kaum tani atau desa<br>▪ melibatkan petani atau desa dalam sektor pelaburan |
| | **<u>Strategi/usaha</u>**<br>▪ dijalankan dengan tiga cara<br>**<u>Pertama</u>**<br>▪ mengkelompokkan kampungkampung menjadi petempatan lebih besar<br>▪ menyediakan kemudahan<br>**<u>Kedua</u>**<br>▪ melancarkan program usahawan desa yang terlibat dalam industri pembuatan barangan<br>**<u>Ketiga</u>**<br>▪ melaksanakan projek pembangunan oleh agensi kerajaan |
| **Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara ( DPDPN)** | **<u>Matlamat</u>**<br>▪ mencapai kadar pertumbuhan ekonomi berterusan walaupun negara menghadapi pelbagai cabaran<br>▪ memastikan penggunaan sumber ekonomi negara pada tahap maksimum<br>▪ elakkan pembaziran sumber ekonomi negara<br>▪ memastikan sektor perindustrian dapat bersaing pada peringkat antarabangsa |
| | **<u>Strategi / usaha</u>**<br>▪ membaiki sistem pengurusan operasi<br>▪ membaiki struktur organisasi<br>▪ menggunakan teknologi terkini<br>▪ menerapkan nilai dan etika kerja yang murni |
| **Dasar Kependudukan** | **<u>Matlamat</u>**<br>▪ mencapai sasaran 70 juta penduduk menjelang 2100<br>▪ memberi kesan positif pada bekalan tenaga kerja, peningkatan produktiviti dan pasaran yang luas<br>▪ penduduk besar menguatkan politik<br>▪ penduduk besar menjamin keselamtan negara |
| | **<u>Strategi/ usaha</u>**<br>▪ menyelaraskan kadar pertumbuhan penduduk dengan kadar pembagunan sosio ekonomi negara seperti kemudahan pendidikan, perumahan, kesihatan dan peluang pekerjaan<br>▪ semua program negara berdasarkan unjuran jumlah penduduk |

***21. Huraikan matlamat Rukun Negara yang diperkenalkan pada 31 Ogos 1970.***

- untuk mengukuh perpaduan
- memelihara corak hidup demokratik
- mencipta sebuah masyarakat yang adil
- menjamin sikap liberal terhadap tradisi kebudayaan yang pelbagai
- membina mayarakat progresif yang menggunakan sains dan teknologi

***22. Apakah maksud disebalik setiap prinsip RUKUN NEGARA tersebut?***

| | |
|---|---|
| **Prinsip 1**<br>**Kepercayaan Kepada Tuhan** | ▪ agama ialah pegangan paling utama rakyat Malaysia<br>▪ rakyat beragama mudah diurus menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab<br>▪ Islam merupakan agama rasmi<br>▪ agama lain bebas diamalkan |
| **Prinsip 2**<br>**Kesetiaan Kepada Raja dan Negara** | ▪ semua rakyat Malaysia memberi kesetiaan kepada raja dan negara<br>▪ ketua negara ialah Yang di Pertuan Agong<br>▪ Raja Melayu merupakan ketua negeri<br>▪ raja merupakan simbol penyatuan rakyat dan pelindung hak istimewa peribumi<br>▪ menderhaka raja bermaksud menderhaka kepada negara |

| | |
|---|---|
| **Prinsip 3**<br>**Keluhuran Perlembagaan** | ▪ perlembagaan merupakan undang-undang utama sesebuah negara<br>▪ perlembagaan dianggap luhur, unggul dan suci<br>▪ keluhuran perlembagaan menuntut semua rakyat menerima, mematuhi,menyanjung dan mempertahankannya. |
| **Prinsip 4**<br>**Kedaulatan Undang-undang** | ▪ menuntut rakyat menghormati undang-undang dan tidak melakukan kesalahan<br>▪ jika undang-undang terpelihara rakyat akan hidup aman<br>▪ kita wajib memastikan undang-undang negara didaulatkan dan tidak dicabar oleh manamana pihak. |
| **Prinsip 5**<br>**Kesopanan dan kesusilaan** | ▪ menuntut semua rakyat Malaysia bersopan dan bertatasusila<br>▪ kesopanan dan kesusilaan menjamin kehidupan masyarakat yang harmoni, penyayang dan saling menghormati |

***23.*** ***Senaraikan langkah-langkah yang diambil untuk memartabatkan sistem pendidikan di Malaysia dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan.***

- Laporan Barnes
- Laporan Fenn Wu
- Ordinan Pelajaran 1952
- Penyata Razak 1956
- Ordinan Pelajaran 1957
- Laporan Rahman Talib 1960
- Akta Pelajaran 1961
- Kajian Aminuddin Baki
- Jawatankuasa Kabinet 1974
- Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979
- Falsafah Pendidikan Kebangsaan

***24.*** ***Senaraikan cadangancadangan yang dikemukakan dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan***

| | |
|---|---|
| **Laporan Barnes** | ▪ mencadangkan semua sekolah Vernakular Melayu, Cina dan Tamil dibubarkan<br>▪ mencadangkan satu jenis sekolah iaitu sekolah kebangsaan<br>▪ menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada peringkat rendah<br>▪ menggunakan bahasa Inggeris pada peringkat menengah dan tinggi |
| **Laporan Fern Wu** | ▪ sekolah Cina dikekalkan<br>▪ menolak Laporan Barnes |
| **Ordinan Pelajaran 1952** | ▪ mencadangkan dua sistem persekolahan<br>▪ menggunakan dua bahasa penganatar iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu<br>▪ bahasa Tamil dan Cina diajar jika ada permintaan ibu bapa<br>▪ bahasa Melayu wajib diajar di sekolah Inggeris<br>▪ bahasa Inggeris wajib diajar di sekolah Melayu |
| **Penyata Razak 1956** | ▪ mencadangkan sistem persekolahan yang sama bagi semua penduduk<br>▪ kurikulum diseragamkan<br>▪ kurikulum bercorak kebangsaan<br>▪ mencadangkan penubuhan sekoalh umum(rendah) menggunakan bahasa pengantar bahasa Inggeris, Cina dan Tamil<br>▪ sekolah menengah Melayu menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu<br>▪ sekolah menengah Inggeris menggunakan bahasa pengantar bahasa Inggeris<br>▪ semua sekolah wajib diajar bahasa Melayu dan Inggeris<br>▪ dijadikan Ordinan Pelajaran 1957 |
| **Laporan Rahman Talib 1960** | ▪ sekolah umum dijadikan sekolah kebangsaan<br>▪ sekolah jenis umum dijadikan sekolah jenis kebangsan<br>▪ pelajaran percuma diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah tanpa mengira kaum<br>▪ bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan<br>▪ sekolah rendah berbahasa pengantar Inggeris ditukar kepada bahasa Melayu |

| | |
|---|---|
| | ▪ bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah menengah<br>▪ subjek agama Islam diajar di semua sekolah bantuan penuh kerajaan yang terdapat 15 pelajar Islam<br>▪ bahasa Tamil dan Cina diajar di sekolah kebangsaan jika terdapat 15 orang pelajar<br>▪ semua peperiksaan awam diadakan dalam bahasa Melayu<br>▪ syor-syor dijadikan Akta Pelajaran 1961 |
| **Kajian Aminuddin Baki** | ▪ memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan<br>▪ menampung pelajar yang gagal memasuki sekolah akedemik<br>▪ menyediakan pelajaran pada peringkat menengah sehingga berumur 15 tahun<br>▪ menekankan kursus kemahiran untuk melahirkan tenaga mahir dan pasaran kerja<br>▪ subjek kemahiran yang diajar ialah perdagangan, sains rumah tangga, seni perusahaan dan sains pertanian<br>▪ mata pelajaran wajib seperti di sekolah menengah biasa |
| **Jawatankuasa Kabinet 1974** | **<u>Objektif</u>**<br>▪ menilai sejauh mana dasar pelajaran kebangsaan dapat melahirkan sumber tenaga manusia yang diperlukan negara.<br>▪ mengenalpasti sejauh mana dasar pelajaran kebangsaan dapat melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih<br><br>**<u>Cadangan</u>**<br>▪ menekankan penguasaan kemahiran membca, menulis dan mengira (3M)<br>▪ kenaikkan darjah secara automatik<br>▪ menekankan sekolah vokasional<br>▪ sukatan pelajaran sekolah swasta<br>▪ bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksan<br>▪ menekankan kegiatan kokurikulum dan disiplin sebgai asas perpaduan |
| **Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979** | ▪ memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)<br>▪ memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Menengah ( KBSM)<br>▪ menekankan perkembangan pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek |
| **Falsafah Pendidikan Kebangsaan** | ▪ satu usaha berterusan memperkembangkan potensi individu<br>▪ melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani<br>▪ melahirkan rakyat berilmu, berketrampilan, akhlak mulia dan bertanggungjawab<br>▪ dapat mencapai kesejahteraan diri<br>▪ diharap dapat memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara |

***25. Jelaskan langkahlangkah untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan.***

- termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
- menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1956
- melancarkan “Minggu Bahasa” dan “Bulan Bahasa” untuk menggalakkan penggunaan bahasa melayu
- melancarkan slogan “Bahasa Jiwa Bangsa”
- menubuhkan sekolah menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu seperti Sekolah Alam Shah, Sekolah Sri Putri dan Sekolah Sultan Abdul Halim
- meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan pada 1967
- menukarkan bahasa pengantar Inggeris kepada bahasa pengantar bahasa Melayu
- secara berperingkatperingkat pada 1970
- menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia menggunakan bahasa Melayu
- mulai 1982 bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah
- bahasa Melayu digunakan di mahkamah mulai 1990

***26. Kenapakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal?***

- menjadi panduan dalam membentuk dan mengekalkan identiti negara Malaysia
- memperkukuh perpaduan melalui kebudayaan
- memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan
- memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan dari aspek kemanusiaan dan Kerohanian
- menyeimbangkan dengan pembangunan sosioekonomi

**27. *Apakah perkara-perkara yang menjadi asas dalam pengubalan Dasar Kebudayaan Kebangsan?***

- berasaskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
- unsurunsur kebudayaan lain yang wajar akan diterima
- Islam diguna sebagai unsur yang terpenting

**28. *Apakah peranan sukan dalam pembangunan negara?***

- sukan sebagai alat perpaduan tanpa mengira ideologi
- sukan dapat menyemarakkan semangat patriotik di kalangan rakyat
- sukan membuka peluang kepada semua tanpa mengira kaum

**29. *Bagaimanakah sukan boleh mewujudkan perpaduan***

- melalui kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah
- melalui Majlis Sukan sekolah-Sekolah di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan
- melalui temasya sukan seperi Sukan Malaysia (SUKMA)

**30. *Apakah matlamat Wawasan 2020***

- menjadi negara maju pada tahun 2020
- menjadikan Malaysia sebuah negara industri yang maju menggunakan acuan sendiri
- mencapai kemajuan fizikal dan kemajuan bersepadu

**31. *Jelaskan maksud " Kemajuan Bersepadu"***

- Malaysia akan menjadi negara industri menjelang 2020
- maju berteraskan perpaduan rakyat
- maju melalui kestabilan politik
- maju melalui ketinggian taraf hidup
- maju melalui kekukuhan nilai moral dan etika
- maju melalui kekukuhan sistem kerajaan
- maju dengan ketinggian maruah bangsa
- maju melalui semangat yakin diri bangsanya

**32. *Huraikan maksud tersirat di sebalik Sembilan Cabaran Wawasan 2020***

| | |
|---|---|
| **Cabaran 1**<br>**Membina Bangsa Malaysia Yang Bersatu Padu** | Maksud<br>▪ perpaduan ialah asas kekuatan sesebuah negara<br>▪ rakyat yang beridentiti Malaysia dapat diwujudkan |
| **Cabaran 2**<br>**Membina Masyarakat Berjiwa Bebas, Tenteram Dan Berkeyakinan** | Maksud<br>▪ masyarakat Malaysia perlu berjiwa bebas, tenteram, terbuka, yakin diri, gagah menghadapi masalah<br>▪ bangsa yang gagah dapat memajukan negara dan mengangkat martabat bangsa |
| **Cabaran 3**<br>**Memupuk Dan Membina Masyarakat Demokratik Matang** | Maksud<br>▪ masyarakat demokratik memiliki kebebasan untuk memilih kerajaan<br>▪ rakyat matang akan menggunakan hak-hak demokrasi dengan sewajarnya<br>▪ teguran kepada pemimpin disalurkan dalam sussana mesra dan membina |
| **Cabaran 4**<br>**Mewujudkan Masyarakat Bermoral Dan Beretika** | Maksud<br>▪ masyarakat bermoral dan beretika perlu diseimbangkan dengan kenmajuan fizikal<br>▪ masyarakat bermoral dilahirkan oleh kepatuhan pada agama,sistem pendidikan yang berkesan, institusi keluarga yang terbaik dan amalan budaya yang cemerlang |
| **Cabaran 5**<br>**Mewujudkan Masyarakat Matang, Liberal Dan Bertoleransi** | Maksud<br>▪ masyarakat yang rasional tidak akan bertindak melulu<br>▪ masyarakat rasional tidak terpengaruh dengan fahaman sempit<br>▪ masyarakat yang rasional sedia menerima perubahan dan pandangan orang lain |
| **Cabaran 6**<br>**Membina Masyarakat Maju Dan Saintifik** | Maksud<br>▪ masyarakat maju dapat serap segala perubahan untuk membina kecemerlangan<br>▪ masyarakat maju wajib menguasai pengetahuan sains dan teknologi<br>▪ masyarakat sains dapat menjana produktiviti , kreatif dan inovatif |

| | |
|---|---|
| **Cabaran 7**<br>**Mewujudkan Masyarakat Berbudaya Cemerlang** | <u>Maksud</u><br>▪ masyarakat penyayang mengutamakan kepentingan masyarakat<br>▪ budaya tradisi perlu ditonjolkan semula<br>▪ budaya kepatuhan agama,intitusi kekeluargaan perlu diwujudkan semula |
| **Cabaran 8**<br>**Menjamin Masyarakat Yang Adil Saksama Ekonominya** | <u>Maksud</u><br>▪ kemajuan negara perlu dikuasai oleh semua kelompok masyarakat<br>▪ peristiwa 13 Mei perlu dielakkan<br>▪ dasar-dasar kerajaan seperti Rancangan pembangunan Ekonomi Lima Tahun menjamin keadilan ekonomi |
| **Cabaran 9**<br>**Memupuk Dan Membina Masyarakat Makmur** | <u>Maksud</u><br>▪ masyarakat makmur ialah masyarakat mewah dan taraf hidupnya tinggi<br>▪ tiada ahli masyarakat hidup melarat<br>▪ pendapatan isi rumah tinggi<br>▪ pendapatan negara juga tinggi |

## Bab 9 Malaysia dalam Kerjasama Antarabangsa

**1.** ***Apakah faktor-faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama?***

| | |
|---|---|
| **Faktor politik** | ▪ kemunculan nasionalisme<br>▪ negara-negara kecil bersatu membentuk negara besar seperti Jerman dan Itali<br>▪ terdapat sistem pakatan negara-negara Eropah iaitu Pakatan Kuasa Tengah ( Jerman, AustriaHungary dan Itali) dan Pakatan Bertiga ( Britain, Perancis dan Rusia)<br>▪ persaingan Pakatan kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga mengancam perimbangan kuasa dunia<br>▪ kuasakuasa besar sanggup berperang membuktikan kekuasaan masing masing |
| **Faktor Ekonomi** | ▪ persaingan merebut peluang ekonomi<br>▪ kuasakuasa besar bersaing mendapat tanah jajahan baru<br>▪ bersaing mendapatkan bahan mentah<br>▪ bersaing memasarkan bahan siap mereka |
| **Faktor Segera** | ▪ pembunuhan Achduke Franz Ferdinand iaitu waris takhta Austria – Hungary.<br>▪ Austria disokong Jerman menyerang Serbia yang disokong Rusia dan Perancis<br>▪ Jerman menyerang Perancis melalui Belgium menimbulkan kemarahan Britain<br>▪ Amerika terlibat dalam peperangan apabila kapal dagangnya diserang Jerman |

**2.** ***Apakah kesan Perang Dunia Pertama?***

| | |
|---|---|
| **Politik** | ▪ menamatkan sistem beraja di Eropah<br>▪ termeterai Perjanjian Versailles<br>▪ mengubah peta Eropah<br>▪ wujud negara-negara baru<br>▪ wujud Liga Bangsa<br>▪ untuk menjamin keamanan dunia<br>▪ mewujudkan kerjasama antarabangsa |
| **Ekonomi** | ▪ negara –negara beperang mengalami inflasi<br>▪ negara-negara berperang mengalami hutang peperangan yang banyak<br>▪ wujud pengangguran<br>▪ pasaran dunia diambil alih oleh Amerika dan Jepun<br>▪ Britain hilang satu per tiga daripada perdagangan luarnya |

**3.** ***Apakah SEBAB-SEBAB berlakunya Perang Dunia Kedua ?***

| | |
|---|---|
| **Perjanjian Versailles** | ▪ Jerman tidak puas hati dengan Perjanjian Versailles<br>▪ Jerman hilang tanah jajahan<br>▪ Jerman terpaksa bayar pampasan perang yang tinggi<br>▪ Jerman diarah mengurangkan saiz tentera |
| **Pemimpin baru** | ▪ wujud pemimpin baru iaitu Adolf Hitler<br>▪ komunis bertapak kukuh di Rusia dipimpin Lenin dan Stalin<br>▪ Itali di bawah pimpinan Mussolini telah menjajah Habsyah<br>▪ Itali juga telah menceroboh Perancis |
| **Jepun** | ▪ Jepun ingin menguasai negara di Timur<br>▪ Jepun ingin membebaskan negara timur daripada penjajahan Barat |
| **Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929** | ▪ berlaku kemelesetan ekonomi pada 1929<br>▪ negara-negara Eropah seperti Britain, Perancis dan Itali bertindak mengurangkan peruntukan ketenteraan<br>▪ Jerman bertindak mengukuhkan ketenteraan dan meluaskan kuasa |
| **Faktor Segera** | ▪ Perang Dunia Kedua berlaku apabila Jerman menyerang Poland<br>▪ Amerika dan Britain pula mengisytiharkan perang terhadap Jerman<br>▪ Jepun pula menyerang Pearl Habour di Hawaii dan memusnahkan tentera laut Amerika di lautan Pasifik |

4. ***Huraikan kesan Perang Dunia Kedua ?***
- memecahbelahkan negara-negara di Eropah
- meruntuhkan imperialisme
- membentuk Pertubuhan BangsaBangsa Bersatu (PBB )
- mewujudkan Perang dingin
- negara Jerman terbahagi dua iaitu Jerman Timur dan Jerman Barat
- negara jajahan mula mencapai kemerdekaan
- menimbulkan kesedaran tentang pentingnya kesejahteraan dan kedamaian dunia

5. ***Apakah maksud Blok Dunia ?***
- negara yang sehaluan berusaha untuk bersatu
- bertindak bersama bagi menjaga kepentingan ahli
- blok terbentuk berdasarkan aspek politik, geografi dan ekonomi

6. ***Apakah maksud "Perang Dingin"***
- berlaku sejak tamatnya Perang Dunia Kedua hingga 1989 apabila komunis Soviet hancur
- berlaku kerana ideologi dan fahaman politik yang berbeza
- berlaku persaingan antara blok Kapitalis ( Amerika Syarikat ) dengan blok komunis yang diketuai Soviet Union
- tidak melibatkan senjata secara langsung
- ingin membuktikan kekuatan masing-masing
- mereka berlumba-lumba menyebarkan pengaruh melalui propaganda, bantuan ekonomi dan bantuan ketenteraan

7. ***Jelaskan kesan penting Perang Dingin***
- pembentukan NATO
- pembentukan Pakatan Warsaw
- wujud Pertubuhan Perjanjian Asia Tenggara (SEATO)
- wujud perlumbaan senjata

8. ***Huraikan perbezaan antara Blok Kapitalis dan Blok Komunis***

| | **Blok Kapitalis** | **Blok Komunis** |
|---|---|---|
| **Politik** | ▪ mengamalkan demokratik<br>▪ kerajaan dipilih melalui pilihan raya | ▪ pemilihan kerajaan oleh Diktator<br>▪ hanya Parti Komunis sahaja diiktiraf |
| **Ekonomi** | ▪ berpeluang memiliki harta dan perniagaan secara perseorangan | ▪ Semua harta dan perniagaan milik kerajaan |
| **Sosial** | ▪ individu bebas sepenuhnya | ▪ Kebebasan individu dilindungi dan dikawal |

9. ***Apakah matlamat dasar luar Malaysia ?***
- Berbaik-baik dengan semua negara
- menjamin keselamatan rakyat dan negara Malaysia
- memelihara kepentingan nasional
- mengekalkan kedaulatan negara
- menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi
- mengekalkan keamanan sejagat melalui kerjasama antarabangsa
- menjadi warga global yang bertanggungjawab dan peka terhadap usaha memupuk kesejahteraan dunia

10. ***Malaysia mengamalkan hubungan luar berbentuk Bilateral dan Multilateral .Jelaskan.***

| | |
|---|---|
| **Hubungan Bilateral** | ▪ ialah hubungan secara terus dengan negara-negara tertentu<br>▪ Contohnya hubungan Malaysia dengan Jiran seperti Thailand dan negara maju seperti Britain |
| **Hubungan Multiliteral** | ▪ bermaksud hubungan dalam bentuk kumpulan dan pertubuhan.<br>▪ Contohnya hubungan Malaysia dalam ASEAN, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) |

11. ***Pengubalan dasar luar Malaysia ditentukan oleh beberapa faktor seperti sejarah, ekonomi, politik, geografi dan demografi. Jelaskan .***

| | |
|---|---|
| **Faktor Sejarah** | ▪ hubungan perdagangan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka<br>▪ kerana faktor Melayu serumpun seperti Indonesia, Brunei dan singapura<br>▪ meneruskan hubungan dengan negara bekas penjajah seperti Komanwel<br>▪ membuat hubungan Pro Barat atau negara anti komunis kerana negara diancam komunis<br>▪ menjalin hubungan dengan Barat kerana baru merdeka dan belum kuat pertahanan |
| **Faktor Ekonomi** | ▪ untuk memajukan ekonomi negara<br>▪ harapkan pasaran barangan negara luar seperti Amerika dan Britain<br>▪ memerlukan suntikan modal negara luar seperti Amerika dan Britain pelabur perlukan pelaburan asing ke Malaysia<br>▪ inginkan pelaburan dan pemindahan teknologi Jepun<br>▪ inginkan pasaran barangan keluaran Malaysia ke negara-negara lain seperti negara-negara Islam<br>▪ menggalakkan pelabur Malaysia membuat pelaburan di luar negara seperti di negara-negara Islam |
| **Faktor Politik** | ▪ ingin memelihara kedaulatan negara lain ( hubungan dengan Palestin )<br>▪ berpegang teguh pada prinsip Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memelihara keamanan dunia |
| **Faktor Geografi** | ▪ kedudukan Malaysia strategik<br>▪ bersempadan dengan hampir kebanyakan negara Asia<br>▪ perairannya menjadi laluan utama kapal perdagangan<br>▪ keselamatan serantau mempengaruhi keselamatan Malaysia |
| **Faktor Demografi** | ▪ menjalin hubungan dengan negara Islam kerana majoriti rakyat Malaysia beragama Islam<br>▪ tidak menjalin hubungan dengan negara penceroboh seperti Israel<br>▪ tidak menjalin hubungan dengan negara pengamal apartheid iaitu Afrika kerana Malaysia menentang Dasar apartheid |

12. ***Pengubalan dasar luar Malaysia dibahagikan kepada tiga tahap.***

a. **Jelaskan dasar luar yang diamalkan dalam tahap pertama**

| | |
|---|---|
| **TAHAP 1<br>TUNKU ABDUL RAHMAN<br>( 1957-1970 )** | ▪ ***Mengamalkan dasar Pro Barat yang anti komunis***<br><u>Alasan</u><br>▪ Malaysia masih diancam Komunis<br>▪ Malaysia perlukan bantuan pertahanan dari negara Komanwel seperti Britain<br>▪ Malaysia membuat Perjanjian Pertahanan InggerisTanah Melayu (AMDA) supaya British memberi bantuan jika diserang manamana negara |
| | ▪ ***Berbaik-baik dengan negara jiran dan Komanwel***<br><u>Alasan</u><br>▪ Malaysia menghadapi krisis dengan jiran seperti konfrontasi oleh Indonesia,<br>▪ Malaysia membuat perjanjian penubuhan ASA, MAPHILINDO DAN ASEAN |
| | ▪ ***Mengamalkan dasar Pro Britain***<br><u>Alasan</u><br>▪ menjaga kepentingan ekonomi negara<br>▪ Malaysia menjalan perdagangan menggunakan wang paun sterling<br>▪ bergantung kepada pasaran Britaian untuk memasarkan getah dan bijih timah<br>▪ pelabur Britain menguasai ekonomi perladangan dan perindustrian di Malaysia |
| | ▪ ***Mengamalkan pasaran bebas dengan negara lain seperti Jepun dan Jerman Barat***<br><u>Alasan</u><br>▪ bertujuan mengurangkan pergantungan kepada Britain<br>▪ mencari pasaran baru |

*b. Apakah dasar luar yang diamalkan oleh pemimpin dalam tahap kedua?*

| | |
|---|---|
| **TAHAP 2**<br>**TUN ABDUL RAZAK DAN TUN HUSSEIN ONN** | ▪ ***Dasar berbaik-baik dengan semua negara***<br><br>Alasan<br>▪ Perjanjian Pertahanan dengan Inggeris (AMDA) tidak berfungsi<br>▪ Britain kurang pengaruh di Timur<br>▪ kuasa besar Amerika dan China menumpukan perhatian kepada Vietnam<br><br>Usaha yang dilakukan<br>▪ mengisytiharkan konsep zon Aman, Bebas dan Berkecuali ( ZOPFAN) bersama dengan negara-negara ASEAN<br>▪ Malaysia menjalin hubungan diplomatik dengan negara berfahaman komunis seperti China, Jerman Timur, Korea Utara, Vietnam Utara dan Manggolia<br>▪ menjalin hubungan dengan Vietnam |

*c. Apakah dasar luar yang diamalkan pemimpin pada tahap ketiga ?*

| | |
|---|---|
| **TAHAP 3**<br>**DATO SERI DR. MAHATHIR MOHAMMAD** | ▪ mengekalkan dasar-dasar tahap kedua<br>▪ menekankan kepentingan ekonomi<br>▪ menekankan ekonomi perdagangan, pelaburan dan pembangunan negara negara membangun<br>▪ menjalin hubungan erat dengan negara ASEAN untuk selesaikan krisis Vietnam dan Kampucea<br><br>DasarPandang ke Timur<br>▪ menjalankan Dasar Pandang ke Timur<br>▪ sebagai model membangunkan negara Malaysia<br>▪ galakkan rakyat Malaysia mengambil nilai baik sepeti etika kerja, kesungguhan bekerja dan semangat cintai negara<br><br>Hubungan Dua Hala<br>▪ tingkatkan misi dua hala<br>▪ membawa misi perdagangan ketika lawatan<br>▪ menandatangani perjanjian perdagangan dua hala yang menguntungkan keduadua pihak<br>▪ menjalin hubungan juga dengan negara Dunia Ketiga |

***13. a. Apakah maksud negara-negara Komanwel ?***
***b. Nytakan matlamat penubuhanPertubuhan Negara Komanwel***
***b. Apakah faedah yang diperoleh oleh Malaysia dalam pertubuhan Komawel?***

| | |
|---|---|
| **Maksud** | ▪ dibentuk pada 1931<br>▪ anggota terdiri daripada negara-negara bekas tanah jajahan British yang merdeka<br>▪ bilangan anggotanya ialah 54 buah negara maju dan membangun<br>▪ ibu pejabatnya di London |
| **Matlamat** | ▪ membina semangat setia kawan di kalangan negara anggota<br>▪ mewujudkan kerjasama dalam semua bidang |
| **Faedah** | ▪ membantu memelihara keamanan dan kedaulatan Malaysia<br>▪ membantu menghapuskan komunis<br>▪ membantu Malaysia jika diserang manamana pihak semasa konfrontasi dengan Indonesia<br>▪ lantang menentang dasar apartheid di Afrika<br>▪ Eksport Malaysia ke negara-negara Komanwel seperti Britian dikenakan cukai rendah<br>▪ Malaysia mendapat bantuan teknikal dana biasiswa daripada rancangan Colombo<br>▪ Malaysia berjaya menganjurkan Sukan Komanwel 1998 |

**15.`** **a.** **Apakah matlamat Piagam Pertubuhan BangsaBangsa Bersatu ( PBB ) ?**
**b.** **Huraikan sumbangan Malaysia kepada Pertubuhan BangsaBangsa Bersatu**

| | |
|---|---|
| **Matlamat** | ▪ menjamin keamanan dan keselamatan dunia<br>▪ menggalak hubungan baik antara negara-negara anggota<br>▪ berkerjasama menyelesaikan masalah antarabangsa<br>▪ melindungi hak asasi manusia tanpa mengira bangsa, warna kulit dan agama<br>▪ menjadi pusat mengharmonikan tindakan negara-negara anggota |
| **Sumbangan** | ▪ **Bantu menyelesaikan konflik antarabangsa**<br>▪ sertai pasukan pendamai PBB menamatkan Perang Saudara di Congo<br>▪ sertai pasukan pengaman PBB ke Namibia membantu mencapai kemerdekaan<br>▪ sertai pasukan pengaman ke Bosnia<br>▪ menghantar pasukan pemerhati ke sempadan Iran –Iraq dan Kampucea<br>▪ menentang dasar apartheid yang diamalkan di Afrika<br>▪ menyarankan benua Antartika menjadi warisan dunia dan diletakkan di bawah hak milik atau kuasa semua sengara<br>▪ teguh memerangi penyalahgunaan dadah<br>▪ Malaysia berjaya mengusulkan satu Persidangan Dadah Antarabangsa di Vienna |
| | **Membantu dalam agensi PBB**<br>▪ berkerjasama dalam pengeluaran makanan di bawah agensi Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO )<br>▪ berkerjsama dalam bidang kesihatan dan perubatan di bawah Pertubuhan Kesihatan Dunia ( WHO )<br>▪ berkerjasama dalam bidang sains dan teknologi di bawah Pertubuhan Pendidikan, Sainstifik dan Budaya BangsaBangsa Bersatu ( UNESCO ) |

***16.*** ***a.*** ***Apakah matlamat Bank Dunia ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)***
***b.*** ***Jelaskan faedah Malaysia menyertai Pertubuhan BangsaBangsa Bersatu (PBB) @ Apakah faedah Bank Dunia kepada Malaysia?***

| | |
|---|---|
| ***Matlamat*** | ▪ membantu negara-negara ahli yang sedang membangun<br>▪ membantu membangunkan ekonomi negara-negara sedang membangun<br>▪ membantu menyusun semula ekonomi negara-negara sedang membangun |
| ***Faedah*** | ▪ kemasukan pelaburpelabur asing<br>▪ dapat membuka peluang pekerjaan<br>▪ dapat membasmi kemiskinan di luar bandar<br>▪ mendapatkan pinjaman untuk menjayakan Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan ( FELDA )<br>▪ mendapatkan pinjaman memajukan prasarana pendidikan dan penyelidikan |

17. a. *Jelaskan latar belakang pertubuhan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)*
b. *Jelaskan matlamat penubuhan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)*
c. *Jelaskan prinsip perjuangan yang dipegang oleh Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)*
d. *Jelaskan sumbangan Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali*

| | |
|---|---|
| **Latar Belakang** | ▪ NAM ditubuhkan pada September 1961 semasa kemuncak Perang Dingin<br>▪ ahli pertubuhan ialah negara-negara membangun di Asia, Afrika dan Amerika Selatan<br>▪ bilangan anggota ialah 113 buah negara<br>▪ 16 negara pemerhati<br>▪ 28 buah negara jemputan |
| **Matlamat** | ▪ untuk mengekalkan keamanan dunia<br>▪ berkecuali iaitu tidak menyokong blok Barat atau blok Komunis |
| **Prinsip perjuangan** | ▪ mengelakkan campurtangan asing dalam hal ehwal sesebuah negara<br>▪ menghormati kedaulatan sesebuah negara<br>▪ menyelesaikan sebarang pertelingkahan antara negara<br>▪ menyelesaikan pertelingkahan secara rundingan dan persefahaman<br>▪ menghormati hak asasi manusia |
| **Sumbangan Malaysia** | ▪ membuat usul membela kepentingannegara-negara membangun seperti isu Palestin, kerjasama ekonomi dan isu Benua Antartika<br>▪ membuat usul menghapuskan amalan dasar apartheid di Afrika Selatan<br>▪ menjadi Naib Presiden dalam Sidang Kemuncak NAM di Belgrade , Yugoslavia.<br>▪ dilantik menjadi ahli Kumpulan 16 membincangkan isu kerjasama politik negara anggota<br>▪ menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM ke 13 pada 2003<br>▪ melancarkan mesyuarat tidak rasmi OIC<br>▪ mewujudkan Deklarasi Kuala Lumpur iaitu usaha menghidupkan kembali NAM<br>▪ mengeluarkan pernyataan bersama mengenai isu Palestin<br>▪ mengeluarkan pernyataan bersama mengenai isu serangan Amerika ke atas Iraq |

18. a. *Jelaskan ciri-ciri bagi Negara-negara Selatan*
b. *Apakah matlamat Negara-negara Selatan?*
c. *Apakah sumbangan Malaysia dalam pertubuhan Negara-negara Selatan atau G 15?*

| | |
|---|---|
| **Ciri-Ciri** | ▪ dikenali sebagai Negara-negara Dunia Ketiga<br>▪ mempunyai sama latar belakang ekonomi<br>▪ pernah dijajah oleh kuasa Barat<br>▪ masih bergantung dengan negara maju untuk memasarkan bahan mentah<br>▪ tidak mempunyai kepakaran untuk memproses bahan mentah<br>▪ tidak mempunyai modal untuk memproses bahan mentah<br>▪ masih dikenakan syarat perdagangan yang tidak adil<br>▪ masih dikenakan kadar faedah pinjaman yang tinggi<br>▪ masih dikawal harga bahan mentah |
| **Matlamat** | ▪ mengatasi harga eksport bahanbahan mentah<br>▪ meningkatkan kerjasama ekonomi dan teknikal di kalangan anggota<br>▪ jangan bergantung kepada negara-negara maju |
| **Sumbangan Malaysia** | ▪ idea penubuhannya disumbangkan oleh Dato Seri Dr Mahadhir Mohammad<br>▪ berkerjasama dalam bidang sains dan teknologi<br>▪ menubuhkan Pusat Data Pelaburan perdagangan dan Teknologi Selatan di Kuala Lumpur (SITTDEC )<br>▪ menubuhkan Sistem Keistimewaan Perdagangan Global ( GSTP )<br>▪ penubuhan kemudahan kredit<br>▪ menubuhkan mekanisme kewangan pembiayaan perdagangan |

24. *a.* ***Apakah matlamat pertubuhan Persidangan Islam atau OIC ?***
*b.* ***Pertubuhan Persidangan Islam ( OIC ) telah banyak memberi sumbangan kepada dunia Islam.***
***Berikan bentuk sumbangan dan contoh-contoh sumbangan tersebut***
*c.* ***Jelaskan peranan yang disumbangkan Malaysia dalam pertubuhan Persidangan Islam ( OIC )***
*d.* ***Apakah faedah yang dinikmati Malaysia daripada Pertubuhan Persidangan Islam ( OIC ) tersebut ?.***

| | |
|---|---|
| **Matlamat** | ▪ mengeratkan hubungan sesama semua negara Islam dalam segala bidang<br>▪ bersuara senada demi kepentingan umat Islam<br>▪ mengekalkan kedamaian dalam persengketaan antara negara Islam<br>▪ memastikan tempattempat suci Islam dihormati dan tidak dicemari |
| **Sumbangan OIC** | <u>Bantuan</u><br>▪ membantu negara-negara Islam yang bermasalah<br><u>Contoh</u><br>▪ menghantar pasukan perubatan ke Lubnan, Bosnia dan Afghanistan |
| | <u>Bantuan Kewangan</u><br>▪ membantu dari segi kewangan kepada negara-negara Islam kurang maju<br>▪ menubuhkan Bank Pembangunan Islam memberi bantuan kewangan<br><u>Contoh</u><br>▪ membantu negara sepertti Sudan, Nigeria dan Chad |
| **Sumbangan Malaysia** | ▪ menjadi Setiausaha Agung OIC yang pertama<br>▪ menjadi perantara menyelesaikan peperangan IranIraq<br>▪ menyokong perjuangan rakyat Palestin mendapatkan semula tanah daripada Israel<br>▪ menjadi tuan rumah Persidangan OIC pada 1974 dan 2003<br>▪ anjurkan persidangan menentang penganas di kalangan negara Islam pada 2002<br>▪ menawarkan biasiswa kepada para pelajar dari OIC belajar di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM )<br>▪ mengsyorkan penggunaan dinar emas di kalangan negara Islam untuk urusan perdagangan dan kegiatan ekonomi lain |
| **Faedah Kepada Malaysia** | ▪ mendapatkan pinjaman dari Bank Pembangunan Islam untuk melaksanakan projek rakyat<br>▪ OIC membantu Malaysia menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)<br>▪ Malaysia mendapat penghormatan negara lain kerana serius memperjuangkan hak dan kebajikan negara Islam |

***25.*** *a.* ***Apakah maksud pertubuhan serantau?***
*b.* ***Jelaskan perkembangan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara ( ASA )***
*c.* ***Jelaskan perkembangan pertubuhan Malaysia, Filipina dan Indonesia [MAPHILINDO]***
*d.* ***Jelaskan perkembangan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara [ASEAN]***
*e.* ***Huraikan maksud disebalik Logo ASEAN***

| | |
|---|---|
| **Maksud** | ▪ pertubuhan yang anggotanya terdiri daripada negara berjiran antara satu sama lain<br>▪ ditubuhkan untuk kepentingan politik, ekonomi dan sosial<br>▪ contoh pertubuhan serantau ialah ASA (1961) , MAPHILINDO ( 1963 ) dan ASEAN ( 1967 ) |
| **Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara ( ASA )** | <u>Latar Belakang Penubuhan</u><br>▪ dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman<br>▪ bertujuan mewujudkan kerjasama membendung pengaruh komunis<br>▪ mewujudkan kerjasama sosial dan ekonomi di kalangan anggota<br>▪ terbentuk hasil mesyuarat di Bangkok antara Malaysia, Thailand dan Filifina |
| | <u>Matlamat</u><br>▪ jalin kerjasama di kalangan anggota dalam bidang ekonomi, sosial dan sains<br>▪ menyediakan dan memberi kemudahan latihan dan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi di kalangan anggota<br>▪ mengekalkan dan menjamin keamanan dan kestabilan politik negara serantau |
| | <u>Masalah</u><br>▪ dibubarkan pada 1963<br>▪ dianggap anti pemerintahan Presiden Seokarno di Indonesia |

| | |
|---|---|
| **MAPHILINDO** | Latar belakang<br>▪ merupakan cantuman Malaysia, Indonesia dan Filipina<br><br>Tujuan penubuhan<br>▪ meningkatkan hubungan persahabatan<br>▪ menyelesaikan pertelingkahan antara Malaysia-Filipila dan Malaysia-Indonesia<br><br>Cara Penyelesaian pertelingkahan<br>▪ Malaysia mengadakan rundingan dengan Filipina dan Indonesia<br>▪ bersetuju memohon bantuan PBB mendapatkan pandangan rakyat Sarawak dan Sabah tentang cadangan penubuhan Malaysia<br>▪ PBB menghantar wakil iaitu Lawrence V. Micheal More meninjau pandangan rakyat Sarawak dan Sabah<br>▪ majoriti rakyat bersetuju menyertai Malaysia |
| **ASEAN** | Latar Belakang<br>▪ dibentuk hasil Deklarasi Bangkok 1967<br>▪ terdiri daripada 10 buah negara<br>▪ Papua New Guinea dilantik sebagai pemerhati<br><br>Tujuan Penubuhan<br>▪ mengekalkan kestabilan politik rantau Asia Tenggara<br>▪ membantu antara satu sama lain dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan<br>▪ meningkatkan taraf hidup penduduk melalui kerjasama dalam bidang pertanian, perdagangan dan perindustrian<br>▪ membantu dalam bentuk latihan dan penyelidikan<br>▪ mengadakan hubungan erat dengan persatuan serantau atau antarabangsa |
| **Erti Logo ASEAN** | ▪ sepuluh tangkai padi melambangkan sepuluh buah negara ASEAN<br>▪ tangkai padi diikat melambangkan semangat perpaduan dan persahabatan<br>▪ bulatan melambangkan esemangat bersatu padu dalam ASEAN<br>▪ motto ASEAN ialah keamanan, kestabilan, kegigihan,kedinamikan, kesucian dan kemakmuran |

***26. Jelaskan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh ASEAN .***

| | |
|---|---|
| **ZOPFAN** | ▪ menghasilkan Deklarasi Kuala Lumpur<br>▪ bersetuju mengisytiharkan negara-negara ASEAN sebagai zon aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN)<br>▪ mengekalkan keamanan dan kestabilan politik rantau Asia Tenggara<br>▪ mengamalkan sikap berkecuali dengan manamanan blok Barat atau Blok Timur |
| **Bebas Nuklear** | ▪ memutuskan ASEAN ialah Zon Bebas Senjata Nuklear<br>▪ tidak membenarkan kapal menggunakan perairan atau pelabuhan untuk mengangkut bahan atau senjata nuklear. |
| **Kerjasama ekonomi** | ▪ membentuk kerjasama dalam projek perindustrian<br>▪ membina projek baja urea di Bintulu (Sarawak ) dan Acheh ( Indonesia)<br>▪ mewujudkan zon Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)<br>▪ meluaskan skop kerjasama ekonomi melibatkan China, Jepun dan Korea Selatan<br>▪ mencadangkan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur<br>▪ mewujudkan konsep ASEAN + 3 iaitu kerjasama ASEAN dengan negara Jepun, China dan Korea |
| **Kerjasama Pendidikan** | ▪ menubuhkan Pertubuhan MenteriMenteri Pelajaran ASEAN (SEAMEO ) menumpukan pada kerjasama bidang pendidikan<br>▪ mewujudkan Pusat Serantau Untuk Sains dan Matematik ( RECSAM ) di Pulau Pinang |
| **Kerjasama Kebudayaan & Sosial** | ▪ mewujudkan Tabung Kebudayaan ASEAN<br>▪ mengadakan festival kebudayaan dan kesenian<br>▪ menggalakkan pertukaran rancangan televisyen dan radio<br>▪ mengadakan SUKAN SEA untuk merapatkan hubungan<br>▪ mengadakan Tahun Melawat ASEAN pada 1992 |

**27. *Apakah yang dimaksudkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN ( AFTA )***

| | |
|---|---|
| **Tujuan** | ▪ menghapuskan sekatan perdagangan<br>▪ mewujudkan kerjasama ekonomi di kalangan negara ASEAN |
| **Kebaikan** | ▪ dapat mewujudkan pasaran yang luas keran penduduk ASEAN ramai<br>▪ dapat meningkatkan barangan keluaran negara-negara ASEAN<br>▪ mengembangkan industri<br>▪ meningkatkan ekonomi negara-negara ASEAN |

**28. *a. Jelaskan maksud globalisasi***

Globalisasi ialah perubahan yang menjadikan dunia tanpa sempadan disebabkan kepesatan perkembangan teknologi maklumat

**29. *a. Apakah maksud Teknologi Maklumat dan Komunikasi Baru (ICT ) ?***
***b. Apakah usaha-usaha yang dilakukan kerajaan Malaysia untuk menjayakan ICT ?***

| | |
|---|---|
| **Maksud** | ▪ kaedah serta peralatan yang membolehkan proses komunikasi berlaku pantas, mudah, berkesan tanpa sempadan<br>▪ peralatan teknologi baru seperti komputer, internet, telefon mudah alih |
| **Usaha Menjayakan ICT** | ▪ sediakan prasarana bagi merebut peluang<br>▪ melancarkan projek pembinaan prasarana ICT<br>▪ melancarkan projek Koridor Raya Multimedia ( MSC )<br>▪ mula menggunakan e pendidikan, edagang, pemasaran tanpa sempadan dan penyiaran digital |

**30. *Jelaskan mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC )***

| | |
|---|---|
| **Sejarah Penubuhan** | ▪ merujuk pada sebuah kawasan mencakupi Kuala lumpur City Center (KLCC) sehingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ( KLIA ) dan bandar Kulim di Kedah<br>▪ dibangunkan secara berperingkat<br>▪ akan mencakupi seluruh negara<br>▪ dilancarkan pada jun 1998 |
| **Tujuan** | ▪ memanfaatkan sepenuhnya perkembangan teknologi maklumat dan multimedia global<br>▪ melahirkan masyarakat bermaklumat<br>▪ meletakkan Malaysia dalam posisi lebih baik pada era globalisasi<br>▪ mengharapkan K-ekonomi berjalan dengan lancar |
| **Usaha Kerajaan** | ▪ kerajaan meluluskan belanjawan sebanyak RM2.5 juta bilion projek berasaskan ICT<br>▪ peruntukan RM 1 bilion diagihkan untuk kawasan luar bandar |

**31. *a. Apakah maksud K-Ekonomi***
***b. Apakah faktor penentu kejayaan K -Ekonomi***
***c. Nyatakan usaha-usaha kerajaan Malaysia dalam menjayakan K-Ekonomi***

| | |
|---|---|
| **Maksud** | ▪ bermaksud ekonomi berlandaskan pengetahuan<br>▪ keupayaan seseorang menggunakan ilmu pengetahuan mencipta satu nilai yang akan membawa kejayaan |
| **Penentu kejayaan eekonomi** | ▪ sumber yang berharga ialah modal intelek dan pekerja berpengetahuan<br>▪ penjana keuntungan ialah teknologi dan industri berasaskan pengetahuan<br>▪ inovasi ialah penentu kejayaan K-ekonomi<br>▪ inovasi akan dicapai melalui penyelidikan dan pembangunan ( R & D |
| **Usaha-Usaha Malaysia** | ▪ kerajaan menyediakan peruntukan besar dan Penyelidikan dan Pembangunan ( R & D)<br>▪ kerajaan menggalakkan menggunakan semua penemuan baru<br>▪ kerajaan menggalakkan ciptaan baru<br>▪ kerajaan menggalakkan pendaftaran paten |

*32. a. Jelaskan maksud KMasyarakat*
*b. Nyatakan usahausaha kerajaan Malaysia dalam menjayakan KMasyarakat.*

| | |
|---|---|
| **Maksud** | ▪ K-Masyarakat merujuk kepada masyarakat yang sentiasa membaiki dan perkayakan diri dengan ilmu pengetahuan supaya dapat bersaing<br>▪ Matlamatnya ialah mewujudkan masyarakat yang maju dan sainstifik |
| **Usaha-Usaha Kerajaan** | ▪ membangunkan dan menyusun semula sistem pendidikan Malaysia<br>▪ menubuhkan sekolah wawasan bagi memupuk perpaduan dan melahirkan daya saing<br>▪ melengkapkan sekolah Bestari dengan prasarana teknologi maklumat<br>▪ memupuk pelajar mencintai teknologi maklumat ( IT )<br>▪ mengubahsuai kurikulum dan dibentuk semula<br>▪ melahirkan pelajar kreatif, dinamis serta berfikiran kritis dan analitis<br>▪ melahirkan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi, bermotivasi tinggi dan berkemahiran tinggi |